



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

LAPORAN **EKONOMI** SEKTOR KOPERASI **2020**



"EKONOMI DOMESTIK PEMACU GERAKAN KOPERASI"



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

LAPORAN **EKONOMI** SEKTOR KOPERASI **2020**



"EKONOMI DOMESTIK PEMACU GERAKAN KOPERASI"



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:


Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan
Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-20834000

Faks: 03-20834100

E-Mel: webmaster@skm.gov.my

Terbitan Secara Tahunan



Dicetak oleh:

No.50 Jalan TP 7/2 Taman Perindustrian UEP,
47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel/Fax : 603-55231415

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENERUS EKSEKUTIF RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1	LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2020	
	Ekonomi Malaysia 2020	10
	Prestasi Sektor Ekonomi Utama Koperasi	13
	Kisah Kejayaan Koperasi Melalui Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011 – 2020	21
BAB 2	DEMOGRAFI DAN SOSIO-EKONOMI KOPERASI	
	Pengenalan	24
	Landskap Demografi Gerakan Koperasi	24
	Perkembangan Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar	28
	Keanggotaan Koperasi Berdasarkan Lokaliti	28
	Keanggotaan Koperasi Mengikut Kluster dan Fungsi Koperasi	30
	Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi	32
BAB 3	PRESTASI KEWANGAN SEKTOR KOPERASI	
	Pengenalan	38
	Prestasi Kewangan Keseluruhan	38
	Perkembangan Sektor Koperasi Tahun 2011 – 2020	39
	Prestasi Perolehan Sektor Koperasi	43
	Struktur Komponen Aset Sektor Koperasi	46
	Modal Sektor Koperasi	48
	Prestasi Keberuntungan Sektor Koperasi	51
BAB 4	PENYELIAAN, PERUNDANGAN DAN TADBIR URUS	
	Lanskap Perundangan Dan Kawal Selia Gerakan Koperasi	56
	Kelestarian Perundangan Koperasi	57
	Kelestarian Tadbir Urus	57
BAB 5	DASAR DAN PROSPEK TAHUN 2020	
	DIMENSI SEKTOR KOPERASI 2021	
	Evolusi 100 Tahun Koperasi di Malaysia	62
	Dasar Koperasi Negara Melabuhkan Tirai	63
	Koperasi Teras Kemakmuran Bersama	64
	TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA	
	Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 Memacu Pembangunan Gerakan Koperasi	66
	Pelan Transformasi Koperasi (TRANSKOM 2021-2025)	68
	Federasi Koperasi	71
	Pelestarian Koperasi Dalam Sektor Ekonomi	71
	Inisiatif Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi : COVID19	72
	Digitalisasi Koperasi	73
	Penutup	74

PERUTUSAN

PENGERUSI EKSEKUTIF

PERUTUSAN Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

السَّالَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَکَاتُهُ

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t, laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2020 telah dapat diterbitkan. Laporan ini bertujuan untuk memberikan gambaran status semasa gerakan koperasi di Malaysia dan turut mengimbuai trend yang berlaku di sepanjang pelaksanaan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011 - 2020.

Tahun 2020 adalah merupakan tempoh masa yang amat mencabar. Semua aktiviti ekonomi negara terjejas akibat pandemik Covid 19, sektor koperasi juga tidak terlepas daripada kesan pandemik ini. Situasi ini memerlukan gerakan koperasi menilai dan menyusun semula strategi perniagaan bagi mengekalkan kelestariannya. Di pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia, strategi dan program kawalselia dan pembangunan koperasi telah disusun semula di bawah Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (Transkom) 2021 - 2025. Ini kerana pandemik Covid 19 telah mencetuskan turning point paradigma berkoperasi terutama dalam pemetaan hala tuju gerakan koperasi 100 tahun akan datang. Pelan Transkom yang dibangunkan bertujuan mentransformasikan gerakan koperasi agar dapat beradaptasi dengan situasi sosio ekonomi dalam tempoh yang dirancang. Pelan ini juga mengambil kira

pendigitalan sebagai prasarana penting dalam kelestarian koperasi sebagai silver bullet kepada aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Akhir sekali tahniah diucapkan kepada sidang pengarang yang telah menghasilkan Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2020. Semoga penerbitan ini dapat dimanfaatkan untuk memajukan sosio ekonomi gerakan koperasi.

Sekian, terima kasih.



DATUK NORDIN BIN SALLEH
Pengerusi Eksekutif
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun ini selayaknya Malaysia dilabelkan dalam peta global sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Namun, sebaliknya telah berlaku apabila pertumbuhan KDNK Malaysia menguncup sebanyak -5.6%, berikutan itu perolehan sektor koperasi pada tahun 2020 telah terkesan pada kadar -9.5% akibat daripada pandemik Covid 19 ini.

Sebanyak 14,629 koperasi pada tahun 2020 telah berusaha mengemblengkan aset agregat bernilai RM150.49 bilion bagi pusingan urusniaga berjumlah RM41.45 bilion. Gerakan koperasi di Malaysia telah memberi faedah sosio ekonomi kepada 6.51 juta anggotanya. Koperasi sector kewangan masih kekal merupakan pemain utama Gerakan koperasi di negara ini dengan nilai urusniaga berjumlah RM37.88 bilion iaitu 91.38% daripada keseluruhan perolehan sector koperasi.

Komposisi anggota lelaki berbanding Wanita adalah dalam nisbah 6:4 di mana sebanyak 70% anggota adalah daripada mereka yang berumur antara 18 hingga 60 tahun. Keanggotaan mengikut komposisi kaum mendapati sebanyak 86% anggota terdiri dari kaum bumiputera diikuti kaum Cina dan india masing-masing 8% dan 5% manakala bakinya kaum lain-lain adalah kurang daripada 1%. Populasi anggota kumpulan pekerjaan, kumpulan sokongan lebih memilih koperasi dalam menyelesaikan keperluan sosio ekonomi mereka berbanding kumpulan professional, masing-masing 43% dan 15% dan bakinya adalah dari kalangan pelajar dan pekerja sendiri. Merujuk kepada indeks kesejahteraan anggota koperasi tahun 2018, kedudukannya di tahap sederhana. Ini bermakna koperasi masih relevan kepada sosio ekonomi rakyat. Justeru, amalan tadbir urus yang baik dan berintegriti serta penghayatan kepada prinsip-prinsip koperasi perlu menjadi teras kepada gerakan koperasi.

Atas peri pentingnya gerakan koperasi dalam mewujudkan masyarakat yang sejahtera serta berkongsi kemakmuran negara, maka sektor koperasi turut menjadi Salah satu entiti penting dalam dalam kerangka hala tuju Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun 2020. DKN 2030 secara spesifik turut memberi fokus kepada koperasi untuk berperanan sebagai pemacu

kepada pembangunan sosio-ekonomi yang inklusif. Koperasi merupakan pemangkin yang boleh dilibatkan secara aktif dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) khususnya dalam memastikan objektif kedua iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan (Menangani Ketidaksamaan) dapat dicapai. Bagi menjajarkan DKN 2030 ini dengan sasaran pencapaian koperasi di masa hadapan, maka Transkom telah diwujudkan. Transkom menggariskan hala tuju dan peta jalan gerakan koperasi selepas 100 tahun kewujudannya di negara ini. Ia bermatlamatkan anjakan transformasi yang berteraskan kesejahteraan dan kemakmuran bersama, di samping menjadikan sektor koperasi berpacuan pencapaian ekonomi. Antara usaha yang dilaksanakan adalah mewujudkan federasi koperasi berdasarkan sektor ekonomi, memperkasakan dan juga mengkaji semula perundangan koperasi bagi memperkukuhkan elemen pengawalseliaan ke atas koperasi, menggalakkan pengamalan pematuhan sendiri dan memastikan sektor koperasi kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa.

Norma baharu yang wujud berikutan pelaksanaan PKP juga telah menyebabkan peningkatan penyertaan perniagaan dalam talian pada tahun 2020 secara ketara. Ini dijangka akan meningkatkan pertumbuhan KDNK dan sekaligus akan mendorong ekonomi untuk berkembang sebanyak 6.5% hingga 7.5% seperti yang disasarkan dalam Belanjawan 2021. Oleh itu, Gerakan koperasi juga perlu mendigitalkan perniagaannya dan menyertai perniagaan atas talian sebagai kaedah peningkatan perolehan.

Koperasi perlu merebut manfaat yang wujud dari ekosistem digital yang sedang dibangunkan di peringkat negara dan ASEAN. Koperasi harus berasaskan digital dan membuat reformasi total sebagai syarat untuk berperanan lebih besar dalam ekonomi Negara agar dapat menempuhi cabaran revolusi 4.0 dan mampu beradaptasi dan berinteraksi secara dinamik bagi meraih segmen pasaran yang lebih luas tanpa had. Penambahbaikan terhadap sistem penyeliaan koperasi juga akan dibuat dengan beralih kepada digitalisasi di mana setiap urusan perjalanan koperasi akan dikemaskini oleh sistem bersepadu yang inklusif bagi memastikan kelestarian koperasi di masa hadapan.

BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2020

Ekonomi Malaysia 2020	1
Prestasi Sektor Ekonomi Utama Koperasi	2
Kisah Kejayaan Koperasi Melalui Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011 – 2020	3

BAB 1

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2020

EKONOMI MALAYSIA 2020

Penyakit koronavirus 2019 atau Covid-19 yang telah disyiharkan sebagai pandemik global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memberi kesan negatif yang signifikan terhadap sistem ekonomi, politik dan sosial masyarakat hampir di seluruh pelusuk dunia. Ekonomi

global telah berdepan kemelesetan yang ketara menyebabkan pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020 menguncup -3.3% berbanding pertumbuhan 2.8% pada tahun 2019. Implikasi ini berpunca daripada sekatan pergerakan oleh beberapa negara bagi membendung penularan Covid-19. Jadual 1.1 menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2020.

Jadual 1.1: Pertumbuhan Ekonomi Dunia Pada Tahun 2011

% pertumbuhan	2019	2020	2020				2021
			S1	S2	S3	S4	S1
KDNK Dunia	2.8	-3.3					-
Amerika Syarikat	2.2	-3.5	0.3	-9.0	-2.8	-2.4	0.4
Kawasan Euro	1.3	-6.6	-3.3	-14.6	-4.2	-4.9	-1.8
Jepun	0.3	-4.8	-2.0	-10.3	-5.8	-1.4	-1.9
China	5.8	2.3	-6.8	3.2	4.9	6.5	18.3
Korea Selatan	2.0	-1.0	1.4	-2.7	-1.1	-0.9	1.8
Singapura	1.3	-5.4	0.0	-13.9	-5.8	-2.4	1.3
Indonesia	5.0	-2.1	3.0	-5.3	-3.5	-2.2	-0.7
Thailand	2.3	-6.1	-2.1	-12.1	-6.4	-4.2	-2.6
Filipina	6.0	-9.5	-0.7	-16.9	-11.4	-8.3	-4.2
MALAYSIA	4.4	-5.6	0.7	-17.1	-2.6	-3.4	-0.5


(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, IMF dan Bloomberg)

Tahun ini selayaknya Malaysia dilabelkan dalam peta global sebagai negara maju berpendapatan tinggi. Namun, sebaliknya telah berlaku apabila pertumbuhan KDNK Malaysia menguncup -5.6%. Tahun 2020 boleh dirumuskan sebagai tahun yang penuh cabaran jika dinilai dari segi pertumbuhan dan daya tahan ekonominya. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam empat fasa yang bermula pada 18 Mac 2020 dengan sekatan pergerakan menyeluruh di seluruh negara, termasuk aktiviti ekonomi kecuali yang ditakrifkan sebagai perkhidmatan keperluan utama telah menyebabkan gangguan pengeluaran yang teruk dan kejatuhan dalam permintaan, khususnya dalam industri berkaitan pengguna dan pelancongan.

Sepanjang tahun 2020, ekonomi Malaysia mencatatkan penyusutan yang ketara. Kadar inflasi yang lebih rendah berikutan harga purata

bahan api domestik yang lebih rendah dan pelaksanaan rebat tarif elektrik mulai April 2020. Walau bagaimanapun Ringgit dan rizab antarabangsa masih sedia kukuh disumbang oleh harga minyak dunia. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia adalah berjumlah AS\$107.6 bilion pada 31 Disember 2020.


Semua sektor ekonomi turut merosot, terutama sektor pembinaan, perlombongan dan perkhidmatan. Eksport kasar menyusut -1.4% pada tahun 2020 (2019: -0.8%), terutamanya disebabkan oleh penurunan eksport barangan perlombongan. Import kasar menguncup lebih besar iaitu -6.3% (2019: -3.5%) berikutan penguncupan import barangan pengantara dan barangan modal. Akaun Perdagangan masih dalam kedudukan lebih walaupun eksport dan import menyusut.

Rajah 1.1: Imbangan Perdagangan Malaysia Bagi Tahun 2020

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi)

Prestasi pelancongan negara berdepan cabaran paling getir sehingga memaksa pembatalan Kempen Melawat Malaysia 2020. Malaysia mencatatkan kemerosotan jumlah ketibaan


pelancong dengan ketara pada tahun 2020 berjumlah 4.3 juta pelancong sahaja (2019: 26.1 juta pelancong).

Rajah 1.2: Bilangan Pelancong ke Malaysia pada Tahun 2020

(Sumber: lembaga penggalakan Pelancongan Malaysia)

Ekonomi Malaysia juga dijangka terjejas berikutan faktor luaran termasuk ketidakpastian pertumbuhan ekonomi global, kemunculan varian baru yang membimbangkan, kelancaran pemberian vaksin di seluruh dunia dan risiko berlakunya gangguan rantai bekalan global.

Selain itu, Malaysia juga berhadapan dengan isu struktur yang perlu ditangani dan ketidakseimbangan pembangunan yang berterusan seperti produktiviti yang rendah, industri yang masih berintensifkan buruh berkemahiran rendah, kadar pengangguran dalam kalangan belia yang masih tinggi dan jurang antara kumpulan pendapatan dan etnik, wilayah dan rantai bekalan.

Rajah 1.4: Kadar Pertumbuhan Sektor Ekonomi Malaysia bagi Tahun 2020

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi)

Secara proaktif, Malaysia telah melaksanakan langkah tindak balas dasar yang komprehensif dan bersifat saling melengkapi bagi menangani krisis tersebut. Empat pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM305 bilion (20% daripada KDNK Malaysia) diperkenalkan sebagai usaha untuk memula dan memulihkan semula (restart & recovery) ekonomi melalui pemberian bantuan sara hidup, subsidi upah, insentif pengambilan pekerja, geran bantuan, pembiayaan perniagaan, moratorium dan pelbagai insentif lain yang dirangkum di bawah inisiatif berikut:


- i. PRIHATIN (27 Mac 2020) bernilai RM250 bilion;
- ii. PRIHATIN TAMBAHAN (6 April 2020) bernilai RM10 bilion;
- iii. PENJANA (5 Jun 2020) bernilai RM35 bilion; dan
- iv. KITA PRIHATIN (23 September 2020) bernilai 10 bilion.

Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Gerakan Koperasi

Perolehan yang dicapai pada tahun 2020 merosot pada kadar -9.5% dan sangat berkait rapat dengan kesan penularan wabak Covid-19 yang telah menjejaskan pendapatan koperasi penyumbang utama perolehan selain kehilangan pendapatan bagi koperasi yang menjalankan

aktiviti pelancongan dan penutupan penuh koperasi sekolah. Pengurangan permintaan, gangguan rantai bekalan dan masalah aliran tunai adalah merupakan antara belenggu yang menyekat pengembangan gerakan koperasi. Walaupun terdapat koperasi yang terlibat dalam sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi, Koperasi tetap terbeban dengan kos operasi seperti membayar gaji pekerja di saat kurangnya permintaan akibat pengurangan kuasa beli dan penyusutan pendapatan harian.

Pada 31 Mac 2020, keprihatinan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) terserlah apabila mengumumkan insentif bernilai RM1.099 bilion (kewangan dan bukan kewangan) termasuk peruntukan RM1 juta bagi geran bantuan kecemasan khusus untuk koperasi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Inisiatif ini telah berjaya membantu 320 perniagaan koperasi seluruh Malaysia yang tergolong dalam kluster mikro, kecil dan sederhana dengan keutamaan kepada koperasi dewasa yang masih beroperasi untuk memberi perkhidmatan kepada anggota dan orang ramai walaupun pendapatan terjejas atau menanggung kerugian. Koperasi yang dianggotai oleh golongan rentan seperti wanita, ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU), belia, kariah masjid, golongan B40 yang lain antara penerima manfaat ini.



Berdasarkan dapatan kajian Impak Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Terhadap Gerakan Koperasi di Malaysia yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKM) melibatkan 2,884 responden, sebanyak 32.8% koperasi tidak dikategorikan sebagai perkhidmatan keperluan utama (essential services), 41.2% menghadapi masalah dalam aliran tunai, 37% perniagaan berdepan pengurangan permintaan dan 17.8% koperasi kurang keupayaan dalam aplikasi teknologi maklumat (ICT) disebabkan oleh faktor umur ALK/anggota. Selain itu, 11.7% koperasi menghadapi gangguan rantai bekalan yang menyukarkan untuk beroperasi secara optimum disebabkan oleh pergerakan (rentas negeri/daerah) yang terbatas. Majoriti koperasi beroperasi dengan kos bulanan yang rendah kurang RM5,000.

Sebanyak 67.3% koperasi sangat terkesan dengan pelaksanaan PKP, 68.4% daripadanya merupakan koperasi Kluster Mikro, dan 27.6% koperasi terkesan secara sederhana dan 5.1% koperasi yang tidak terkesan langsung perniagaannya. Majoriti koperasi dari sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan merupakan sektor yang sangat terkesan iaitu sebanyak 82.2%, diikuti sektor Pemborongan dan Peruncitan (77.6%) dan sektor Pembangunan Hartanah & Industri Pembinaan (71.4%).

Dapatan kajian juga menjelaskan bahawa 43.2% perniagaan koperasi masih terus beroperasi, manakala 42.1% koperasi terpaksa menutup sementara operasi perniagaannya dan 14.7%

koperasi terpaksa menutup terus operasi perniagaan. Terdapat 54.2% koperasi yakin perniagaan mereka mampu kekal bertahan pasca pelaksanaan PKP. Sebaliknya sebanyak 21.1% koperasi menganggarkan mampu bertahan kurang 4 bulan.

Sektor yang dijangka kekal bertahan adalah sektor Perkhidmatan Kewangan (69.5%), sektor Perladangan (65%), sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan (54.3%), dan sektor Pemborongan dan Peruncitan (53.6%). Manakala sektor yang berisiko untuk tidak meneruskan perniagaan adalah sektor Pelancongan Penjagaan Diri dan Kesihatan (36%), dan sektor Pertanian dan Industri Asas Tani (27.3%).

PRESTASI SEKTOR EKONOMI UTAMA KOPERASI

Sehingga 31 Disember 2020, pencapaian perolehan sektor koperasi adalah sebanyak RM41.45 bilion, terdiri daripada 14,629 koperasi dengan kekuatan anggota seramai 6.51 juta orang, modal syer berjumlah RM15.81 bilion dan aset bernilai RM150.49 bilion.

Sektor Perkhidmatan Kewangan merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan keseluruhan gerakan koperasi sebanyak 83.16%. Ini diikuti oleh Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan sebanyak 10.81% dan Sektor Pemborongan dan Peruncitan sebanyak 4% dan bakinya disumbangkan oleh sektor lain sebanyak 2%. Semua segmen ekonomi ini menunjukkan trend penurunan.

Jadual 1.2: Pencapaian Perolehan Koperasi Mengikut Sektor Ekonomi Utama Tahun 2020


Sektor Ekonomi Utama	RM	
	2019	2020
Sektor Perkhidmatan Kewangan	38.09 bilion	37.88 bilion
Sektor Pemborongan dan Peruncitan	1.83 bilion	1.36 bilion
Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani	0.07 bilion	0.05 bilion
Sektor Perladangan	0.57 bilion	0.41 bilion
Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan	4.95 bilion	1.66 bilion
Sektor Pelancongan Penjagaan Diri dan Kesihatan	0.29 bilion	0.09 bilion
Jumlah	45.79 bilion	41.45 bilion

Sektor Perkhidmatan Kewangan

Pada tahun 2020, sektor ini menyumbang sebanyak RM37.88 bilion (91.4%) kepada jumlah perolehan gerakan koperasi. Angka ini menurun sebanyak RM0.21 bilion (0.5%) daripada RM38.09 bilion pada tahun 2019. Dua (2) CoopBank iaitu Bank Rakyat dan Co-opbank Pertama merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan sektor perkhidmatan kewangan sebanyak RM26.8 bilion (70.7%). Aktiviti pembiayaan kredit pula

menyumbang sebanyak RM6 bilion (15.8%), Ar-Rahnu sebanyak RM5 bilion (13.1%), dan pembiayaan mikro kredit sebanyak RM0.06 bilion (0.1%). Meskipun sumbangan yang kecil, Ar-Rahnu menjadi alternatif pembiayaan mikro terutama dalam kalangan penaja dan peniaga kecil untuk meneruskan kelangsungan dan modal pusingan perniagaan. Barangan emas boleh digadaikan untuk mendapatkan wang tunai serta-merta bagi membantu melancarkan aliran tunai terutamanya ketika menghadapi kemelut pandemik Covid-19.

Rajah 1.5: Sumbangan Perolehan Mengikut Sektor Ekonomi Koperasi bagi Tahun 2020



Bank Rakyat telah menguasai 60% pasaran dalam segmen Ar-Rahnu dan kini mempunyai 185 cawangan Ar-Rahnu Bank Rakyat dan 76 Ar-Rahnu X'Change di seluruh negara. Pada Disember 2020, Bank Rakyat telah melancarkan visi terbaharunya untuk menjadi Bank Koperasi Islam Progresif Nombor Satu di Malaysia dan giat mempromosi dan mendidik anggotanya juga masyarakat bahawa emas adalah aset yang boleh dilaburkan untuk melonjakkan ekonomi individu dan berupaya menjana ekonomi Negara. Pajak gadai Islam bukan hanya untuk yang mempunyai masalah kewangan malah boleh dijadikan tempat simpanan aksesori emas yang selamat serta jauh daripada unsur riba. Bersesuaian dengan namanya, Bank koperasi ini turut menyediakan bantuan bersasar kepada pelanggan yang berdaftar dalam pangkalan data Bantuan Prihatin Nasional bagi meringankan beban golongan yang terjejas, sekaligus menyokong fasa "revitalisasi" ekonomi negara.

Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Peningkatan kos sara hidup adalah realiti yang harus diharungi oleh penduduk sesebuah negara terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah sehingga memaksa ramai dalam kalangan penduduk di Malaysia terpaksa

membuat dua pekerjaan untuk membiayai keperluan hidup. Sebanyak 6.1 juta atau 18.66% (6.1 juta/32.69 juta) daripada populasi Negara merupakan anggota Koperasi yang mampu mempengaruhi penawaran dan permintaan yang secara tidak langsung memberi kesan kepada harga barangan pengguna dalam pasaran. Justeru, sektor koperasi telah dikenal pasti oleh Kerajaan sebagai salah satu medium yang dapat membantu rakyat melalui pemeraksanaan rantai bekalan berlandaskan lima (5) inisiatif berikut:

- Mengukuh sumber bekalan barang asas;
- Memantapkan rangkaian outlet jualan koperasi;
- Mengukuhkan pusat pengedaran koperasi;
- Memperkasa perkhidmatan logistik koperasi; dan
- Meluaskan akses pasaran koperasi.

Sepanjang tempoh 2011 hingga 2020, lebih 10 program khas diwujudkan bagi pembangunan dan pengukuhan perniagaan Koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan antaranya:

- Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR);
- Program Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM);

- (iii) Program High Performing & Enhancement Co-operatives (HIPER) bagi Pembangunan DC/Sub-DC/CC;
- (iv) Program MyFarm Outlet (MFO) dengan Kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (v) Program Kedai Harga Patut (KHP);
- (vi) Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (I-KeeP);
- (vii) Pemasaran Produk / Perkhidmatan Koperasi ke pasaran luar negara iaitu Hao Mart Singapura sebanyak 30 SKU dan Asean Mall, Pattani sebanyak 17 SKU;
- (viii) Pemasaran Produk / Perkhidmatan Koperasi dalam Negara di mana sebanyak 45 SKU dipasarkan di Pasaraya Malakat Mall, Cyberjaya;
- (ix) Pemasaran Produk / Perkhidmatan Koperasi dalam talian pula melibatkan 52 SKU di platform Agrobazaar Malaysia Shopee;
- (x) Pembangunan Produk merangkumi program penjenamaan, pelabelan & pembungkusan produk dengan kerjasama ANGKASA dan SIRIM sebanyak 15 SKU.
- (xi) Kerjasama Strategik bersama Kementerian


- Wilayah Persekutuan melalui Program Coop Community Mart (CCM) melibatkan Koperasi Pudina Putrajaya Berhad dan Koperasi Hiliran Ampang Berhad dengan jumlah peruntukan sebanyak RM360,000 melibatkan pembukaan kedai runcit bagi memenuhi keperluan barangan asas penduduk di perumahan awam kerajaan;
- (xii) Program Jualan Harga Patut Koperasi (JHP) bermula bulan Jun sehingga September 2020. Sebanyak 174 buah koperasi yang menjalankan aktiviti peruncitan di seluruh negara telah bersama-sama menyertai program ini dengan peruntukan berjumlah RM1 juta.
 - (xiii) Program Pembekalan Ikan Segar Sejuk Beku melibatkan 10 koperasi;
 - (xiv) Kerjasama strategik dengan SMART Stream Resources Sdn Bhd dalam Program Pembangunan Stesen Minyak Mini Koperasi. Pihak SKM dan SMART Stream telah Menandatangani Memorandum Persefahaman pada 18 Julai 2020.



tahun yang pertama, pertumbuhan sektor ini sedikit terencat disebabkan gangguan rantai bekalan dan pergerakan logistik yang terhad. Jadual 1.3 menunjukkan aktiviti yang menyumbang kepada nilai perolehan Sektor Pemborongan dan Peruncitan.

Sub-Sektor	Jumlah Perolehan (RM)	Peratus
Pusat Pengedaran (DC/Sub-DC)	0.07 bilion	5.1%
Kedai Runcit/Outlet	0.56 bilion	41.2%
Pasaraya	0.04 bilion	2.9%
Produk Koperasi	0.02 bilion	1.5%
Stesen Minyak	0.67 bilion	49.3%
Jumlah	1.36 bilion	100%

serta perkhidmatan. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif di atas telah berjaya menghasilkan landskap pemborongan dan peruncitan koperasi seperti berikut:



Fokus Kerajaan Malaysia telah terarah kepada isu jaminan bekalan makanan Negara (food security) yang merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya.

Antara usaha yang dilakukan ialah dengan mengoptimalkan sumber semulajadi sedia ada, memastikan pasaran produk agrikultur mempunyai bekalan mencukupi dengan harga yang masih berpatutan, makanan berkualiti dan berkhasiat

serta keupayaan pengguna dalam mendapatkan akses bekalan bahan mentah di saat kawalan pergerakan diperketatkan dan kehilangan sumber pendapatan.

Pada tahun 2020 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah mengadakan kerjasama strategik dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Antara aktiviti yang diberi tumpuan dalam kerjasama tersebut adalah:

1. Projek Penanaman Padi Berskala Besar oleh Koperasi Ladang Berhad

Projek ini diusahakan di Kampung Tebu Hitam, Rompin, Pahang dengan keluasan 500 ekar (Fasa 1: 200 ekar dan Fasa 2: 300 ekar) dengan bimbingan dan pemantauan khusus oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin, Pahang. Geran sebanyak RM250,000 telah diluluskan kepada koperasi ini bagi membiayai sebahagian kos projek.



2. Projek Pembenihan Ikan Air Tawar oleh Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad

Koperasi mengusahakan ternakan ikan air tawar di Ulu Cheka, Jerantut, Pahang berkeluasan 8 ekar. Inisiatif projek pembenihan dan asuhan tercetus berikutan kesukaran untuk mendapatkan benih ikan air tawar seperti talapia dan patin daripada pembekal setempat. Terdapat enam (6) kolam tanah untuk talapia (1800 induk dan 60,000 anak benih) dan dua (2) kolam induk patin bagi menempatkan 2500 induk patin

(seekor induk patin yg memiliki berat 1kg ke atas boleh menghasilkan 100,000 anak benih). Koperasi dalam proses menyediakan pembenihan ikan kelah, jelawat dan tamalian. Koperasi juga memiliki 100 buah sangkar ikan patin dan talapia di Sg. Pahang dan telah mula memasarkannya secara atas talian ke sekitar Lembah Klang. Projek ini mendapat kerjasama dan bantuan teknikal daripada Jabatan Perikanan (DOF) Pahang. Geran sebanyak RM300,000 telah diluluskan kepada koperasi ini bagi membiayai sebahagian kos projek.



3. Projek Tanaman Sayur-sayuran (Pelbagai Jenis) Menggunakan Teknik Fertigasi oleh Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad

Projek tanaman sayuran dan buah-buahan melalui teknik fertigasi 'urban farming' ini diusahakan di tanah milik FAMA di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru dengan keluasan 5 ekar. Antara jenis tanaman yang diusahakan secara fertigasi ini adalah cili,

terung, rock melon dan lain-lain yang mampu menjana pulangan dalam masa yang singkat. Hasil tanaman yang telah dituai akan dijual di Pasar Tani yang berhampiran. Projek ini mendapat kerjasama dan bimbingan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor. Geran sebanyak RM168,000 telah diluluskan kepada koperasi ini bagi membiayai sebahagian kos projek.



4. Projek Penternakan Lembu Tenusu oleh Koperasi Pegawai-Pegawai MARDI Berhad

Cadangan projek ini telah dikemukakan bagi membolehkan koperasi terlibat dalam Program Pembangunan Industri Tenusu kelolaan MAFI seperti di Lembah Tenusu (LT) Muadzam, Pahang / LT Larut - Matang - Selama, Perak / LT Ulu Bernam, Selangor dan LT Muallim, Perak. Pelaksanaan projek ini adalah dengan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Putrajaya.

Projek-projek perintis ini bakal diperluaskan lagi pelaksanaannya kepada koperasi-koperasi lain yang berpotensi dan sedia ada bergiat dalam tanaman berskala besar seperti nenas, durian, kelapa, jagung serta penternakan ayam, udang kara, lembu, kambing, burung walit dan lain-lain. Gerakan Koperasi dilihat relevan bagi membantu menjayakan agenda Jaminan Bekalan Makanan Negara ini.

Kerjasama strategik dengan pelbagai agensi di bawah MAFI akan diteroka bagi membolehkan lebih banyak koperasi khususnya yang terlibat dengan pertanian moden untuk mengadaptasi teknologi terkini dalam melonjakkan produktiviti pertanian Negara. Sehingga 31 Disember 2020, sumbangan sektor ini kepada jumlah perolehan

keseluruhan adalah sebanyak RM0.05 bilion iaitu penurunan sebanyak 28.6% (RM0.02 bilion) berbanding RM0.07 bilion pada tahun 2019.

Sektor Perladangan

Sektor Perladangan merupakan penyumbang keempat terbesar pusingan pendapatan juga antara sektor ekonomi yang agak terkesan ekoran situasi Pandemik Covid-19. Masalah kekurangan tenaga kerja ladang telah menjejaskan kutipan Buah Tandan Segar (BTS). Kerajaan telah membekukan kelulusan kuota dan permit kerja baharu kepada sumber guna tenaga asing bagi mengekang penularan wabak. Bagaimanapun, permit kerja sedia ada diterima untuk diperbaharui. Kerajaan juga telah melancarkan Program Rekalibrasi Pulang dan Rekalibrasi Tenaga Kerja bermula pada Disember 2020 yang bertujuan membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) pulang ke Negara asal secara sukarela.

Mengikut rekod Malaysian Palm Oil Certification Council (MPOCC), sehingga 31 Disember 2020 sebanyak 37 buah Koperasi bersama dengan 60 premis ladang milik Koperasi telah berjaya memiliki Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Sebaliknya, bagi ladang yang belum mendapat pensijilan, akan menghadapi risiko dinyahtaraskan daripada senarai pengusaha dan pengilang sawit

berdaftar dan boleh mengakibatkan jualan BTS pada harga gred yang sangat rendah.

Dalam konteks ini Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Malaysian Palm Oil Board (MPOB), MPOCC, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Juruaudit MSPO dan Koperasi Konsultan MSPO telah mengorak langkah seawal tahun 2018 dalam mengadakan program kesedaran MSPO kepada koperasi-koperasi yang mempunyai ladang sawit. Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak MPOB pada 24 Februari 2020 di Dewan Komuniti Kota Marudu, Sabah merupakan antara dedikasi Suruhanjaya dalam memperkasa pekebun kecil sawit melalui penubuhan Koperasi Penanam

Sawit Mampan (KPSM). MoU seumpamanya bakal diteruskan bagi pembangunan Koperasi Kluster Koko (K3) dan Pembangunan Koperasi berasaskan getah.

Sehingga 31 Disember 2020, keluasan tanah ladang kelapa sawit milik koperasi dianggarkan 109,302.43 hektar melibatkan 209 koperasi. Terdapat sekurang-kurangnya 113 koperasi memiliki ladang berkeluasan lebih 100 ekar. Sektor perladangan telah mencatatkan nilai perolehan sebanyak RM0.41 bilion. Jumlah ini menurun sebanyak 28.1% (RM0.16 bilion) berbanding RM0.57 bilion pada tahun 2019. Antara aktiviti yang menyumbang kepada pencapaian perolehan sektor ini adalah seperti di Jadual 1.4

Jadual 1.4: Sumbangan Aktiviti Utama Sektor Perladangan

Sub-Sektor	Jumlah Perolehan (RM)	Peratus
Pengurusan Ladang	0.347 bilion	84.6%
Pembekalan Input Pertanian	0.045 bilion	11.0%
Nurseri Sawit	0.002 bilion	0.5%
Lain-lain Aktiviti	0.016 bilion	3.9%
Jumlah	0.410 bilion	100%

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Sektor ini merupakan sektor yang paling terjejas berikutan penularan pandemik Covid-19. Penutupan sempadan negara telah menyekat kemasukan pelancong dari luar Negara. Lebih memburukkan keadaan apabila sekatan rentas daerah dan negeri telah membantutkan pelancongan domestik yang memberi kesan kepada aktiviti perhotelan, homestay, agen pelancongan dan perkhidmatan bas serta teksi

yang dijalankan oleh koperasi. Pembatalan tempahan bilik, tiket dan perkhidmatan bas serta teksi telah menyebabkan perniagaan koperasi mengalami kerugian.

Sehingga 31 Disember 2020, nilai perolehan yang dicatatkan oleh sektor ini adalah sebanyak RM0.09 bilion. Jumlah ini menurun sebanyak RM0.20 bilion (68.97%) berbanding pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM0.29 bilion. Jadual 1.5 menunjukkan antara aktiviti utama yang menyumbang kepada perolehan koperasi dalam sektor ini.

Jadual 1.5: Sumbangan Aktiviti Utama Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Sub-Sektor	Jumlah Perolehan (RM)	Peratus
Ejen Pelancongan dan Pengangkutan	0.073 bilion	81.1%
Homestay dan Rumah Inap	0.001 bilion	1.1%
Hotel/ Hotel Bajet/ Penginapan/ Guest House	0.009 bilion	10.0%
Hospital/ Klinik/ Farmasi	0.003 bilion	3.3%
Pusat Dialisis	0.003 bilion	3.3%
Pusat Penjagaan Diri dan Kesihatan	0.001 bilion	1.1%
Jumlah	0.090 bilion	100%

Sub-sektor ejen pelancongan dan pengangkutan menyumbang perolehan tertinggi iaitu sebanyak RM0.073 bilion. Semasa Negara dalam fasa pemulihan, pelancongan domestik dibenarkan beroperasi seketika sebelum arahan penutupan semula dikeluarkan bagi mengekang peningkatan mendadak kes positif. Keadaan ini telah menyebabkan sub-sektor pelancongan mengalami situasi perniagaan yang amat mencabar pada tahun 2020.

Statistik juga menunjukkan bahawa Pelancongan Berasaskan Komuniti (PBK) menjadi pilihan ramai pelancong. Homestay contohnya bukan sahaja menawarkan penginapan yang lebih ekonomik,

malah turut mempromosikan aktiviti agro dan eco pelancongan serta produk hiliran tempatan sebagai suatu tarikan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat terutamanya di luar bandar. Sehingga kini gerakan memiliki 74 koperasi dalam perhotelan, 67 homestay dan 47 guest house/chalet. Kerjasama teknikal dan juga bantuan geran bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Tourism Malaysia serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sedang dan akan terus dipergiatkan bagi memantapkan keupayaan pelancongan domestik. Jadual 1.6 menunjukkan jumlah suntikan dana melalui program Desa Lestari yang diterima koperasi pada tahun 2020.

Jadual 1.6: Sumbangan Aktiviti Utama Sektor Pelancongan

Bil.	Koperasi	Dana (RM)
(i)	Koperasi Setiajaya Pulau Redang Kuala Terengganu Berhad	RM500,000
(ii)	Koperasi Nelayan dan Komuniti Labuh Banting Pulau Pinang Berhad	RM1,641,500
(iii)	Koperasi Mongkos Berhad	RM623,200
(iv)	Koperasi Peserta Rancangan Orang Asli FELCRA Tanah Abang Mersing Berhad	RM500,000

Sejak tahun 2013 pelaksanaannya, banyak koperasi telah berjaya membangunkan projek-projek pelancongan sehingga menjadi mentor kepada koperasi lain dan turut dikenali dalam dan luar Negara seperti Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad dan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad.

Usahasama antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan KPLB berterusan bagi membuka ruang pencalonan kepada koperasi-koperasi yang berdaya maju untuk diketengahkan. Fokus program ini bukan sahaja kepada koperasi-koperasi pelancongan tetapi juga dalam sektor ekonomi yang lain kecuali perkhidmatan kewangan.

Komponen kesihatan merupakan sub-sektor yang hanya melibatkan 56 koperasi tetapi mampu

memberi sumbangan perolehan berjumlah RM0.007 bilion pada tahun 2020 melibatkan aktiviti-aktiviti seperti hospital, klinik, farmasi, spa, pusat dialisis dan gimnasium. Kurangnya pembabitan koperasi dalam aktiviti ini adalah disebabkan kekurangan tenaga pakar dan modal permulaan yang besar. Namun begitu, Suruhanjaya amat yakin bilangan ini mampu ditingkatkan dengan usaha yang lebih strategik.

Koperasi Farmasi Komuniti Kelantan Berhad telah dilantik sebagai mentor Program Pembangunan Kapasiti Modal Insan dan Pendidikan (Mentoring & Coaching) - Pembangunan Rangkaian Koperasi dalam aktiviti Farmasi melibatkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman serta pemindahan teknologi oleh koperasi mentor kepada koperasi mentee dan turut dibimbing oleh pakar industri.



Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan

Sektor Pembangunan Hartanah dan Industri Pembinaan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada perolehan gerakan koperasi selepas Sektor Perkhidmatan Kewangan. Sebanyak 25% dari jumlah koperasi di Malaysia

terlibat dalam sektor ini dengan menyumbang perolehan sebanyak RM1.66 bilion bagi tahun 2020 berbanding RM4.95 bilion bagi tahun 2019 dan memperlihatkan penurunan sebanyak 66.46% daripada tahun sebelumnya. Sektor ini menumpukan kepada beberapa sub-sektor seperti di jadual 1.7.

Jadual 1.7: Sumbangan Utama Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan

Sub-Sektor	Jumlah Perolehan (RM)	Peratus
Pemilikan Bangunan Komersil dan Kediaman	0.650 bilion	39.2%
Pelaburan Hartanah	0.590 bilion	35.5%
Pemilikan dan Pajakan Tanah	0.250 bilion	15.1%
Industri Pembinaan	0.160 bilion	9.6%
Pembekalan Bahan Binaan	0.010 bilion	0.6%
Jumlah	1.660 bilion	100%

Secara keseluruhan, sektor ini menunjukkan penurunan yang tinggi akibat pandemik Covid-19 di mana rata-rata koperasi mengambil pendekatan berjimat dan fokus kepada keperluan yang lebih utama bagi memastikan kecairan tunai yang tinggi berbanding membuat pelaburan hartanah. Keadaan yang sama berlaku kepada sebilangan individu yang kehilangan pekerjaan juga terpaksa melepaskan atau menangguhkan pemilikan kediaman bagi mengurangkan bebanan kos hutang.

Industri pembinaan dan pembekalan bahan binaan agak kurang terjejas pada tahun 2020. Koperasi Peserta-Peserta Felcra Gugusan Banggol Gajah Mati Hulu Terengganu Berhad merupakan pengeluar bumiputera tunggal *semi heavy industry* yang mengeluarkan produk kawat duri dan pagar *chainlink* di Pantai Timur. Kedudukan yang agak jauh dari Bandar Kuala Berang dan tawaran harga yang lebih murah menjadikan kawat yang dihasilkan di kilang koperasi ini mendapat permintaan yang tinggi.

Koperasi juga berjaya mendapatkan pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) Covid 19 berjumlah RM 50,000.00 untuk dijadikan sebagai modal pusingan pembelian bahan mentah bagi penghasilan kawat duri dan pagar *chainlink*. Sebanyak RM180,000.00 geran bantuan pembangunan telah diluluskan bagi pembelian dua (2) buah mesin penghasilan kawat duri baharu. Mesin baharu ini lebih cekap, selamat, pengeluaran yang cepat serta mempunyai alat ganti yang banyak di pasaran dalam Negara.

KISAH KEJAYAAN KOPERASI MELALUI PELAKSANAAN DASAR KOPERASI NEGARA 2011 - 2020

Kebanyakan koperasi berjaya di Malaysia adalah terdiri daripada koperasi dalam aktiviti perbankan dan kredit. Bank Rakyat dan Coop-Bank Pertama merupakan dua buah bank koperasi yang telah menerajui aktiviti perbankan dan tersenarai antara 100 koperasi terbaik Malaysia. Bank Rakyat misalnya saban tahun mampu untuk memberi dividen melebihi 10% kepada anggotanya.

Kejayaan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) memberi sebuah rumah untuk setiap anggota secara percuma adalah antara contoh koperasi yang berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi ekonomi anggota. Dengan pemberian rumah ini, anggota mampu untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa atau pun menjana pendapatan sampingan dengan menyewakan rumah yang mereka terima.

Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Berhad pulatelahmemberikanpeluangkepadaanggotanya untuk menjadi pengusaha *Homestay*. Aktiviti ini bukan sahaja dapat memberi pendapatan kepada keluarga dan masyarakat tetapi mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Koperasi sebagai perantara yang akan mempromosi, memasarkan dan menyelaras perkhidmatan *homestay* serta produk yang ditawarkan.

Justeru, adalah lebih bermanfaat bagi pengusaha-

pengusaha *homestay* bergabung dalam satu koperasi bagi memastikan keuntungan yang diterima dari aktiviti dapat disalurkan semula kepada anggota dan masyarakat sekitar. Hasil daripada aktiviti *homestay* ini juga, rumah-rumah anggota yang menjadi pengusaha *homestay* dibaik pulih dan kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, balai raya serta kemudahan lain turut disediakan. Selain itu, pelbagai aktiviti sampingan dapat dijalankan dan membolehkan mereka berniaga secara kecil-kecilan. Sekiranya ada di antara anggota atau masyarakat sekitar yang tidak menjadi pengusaha *homestay*, mereka masih boleh menjalankan perniagaan sampingan seperti mengusahakan kraf tangan, jualan makanan, menyediakan pengangkutan malah menjadi pemandu pelancong.

Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad telah ditubuhkan pada 2010 dengan bilangan anggota seramai 80 orang. Pada asalnya kehidupan masyarakat di Kampung Kilim hanya bergantung kepada hasil tangkapan laut. Corak kehidupan mereka berubah setelah penubuhan koperasi. Keunikan Kampung Kilim kerana memiliki formasi batu kapur tertua di Malaysia dengan landskap karst tropika yang menakjubkan, mempunyai monumen geologi yang terpelihara dan kaya dengan fosil dan telah diisytiharkan oleh pihak UNESCO pada 2007 sebagai Kilim Karst Geoforest Park. Kawasan ini juga dikelilingi oleh hutan bakau, habitat helang, sangkar ikan dan restoran terapung yang menjadi tarikan pelancong asing serta tempatan. Penglibatan komuniti

Kampung Kilim telah menjadi tunjang utama pembangunan industri pelancongan. Koperasi kini boleh berbangga kerana mampu menguruskan 80 buah bot pelancong yang mengelilingi Kilim Geoforest Park sekaligus menjana keuntungan tahunan melebihi RM50 ribu setahun. Dengan berbekalkan pengalaman sebagai nelayan, penduduk setempat bertindak sebagai jurumudi dan bekerja dengan koperasi. Penubuhan koperasi telah terbukti dapat menyelesaikan masalah sosioekonomi dalam komuniti tersebut.

Kombinasi inisiatif sedia ada dan baharu yang diperkenalkan mampu menyuntik (reenergize) semangat baharu kepada gerakan koperasi demi untuk meneruskan kelangsungan perniagaan koperasi, memelihara kebajikan anggota dan kesejahteraan masyarakat. Selari dengan Prinsip Koperasi Ketujuh iaitu Prihatin Terhadap Masyarakat, gerakan koperasi merupakan wahana (vehicle) yang terbaik dalam memacu semula pembangunan sosio-ekonomi masyarakat bagi tahun yang mendatang selaras dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030.

Dengan berlabuhnya tirai tahun 2020, ini bermakna pelaksanaan Dasar Koperasi Negara (DKN) 2016-2020 dan pelaksanaan program/projek pembangunan koperasi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) juga turut berakhir. Kerangka baharu yang membentuk landskap pembangunan sosio-ekonomi koperasi pada masa akan datang diharap dapat membawa sinar baharu kepada gerakan koperasi.

BAB 2

DEMOGRAFI DAN SOSIO-EKONOMI KOPERASI

Pengenalan	1
Landskap Demografi Gerakan Koperasi	2
Perkembangan Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar	3
Keanggotaan Koperasi Berdasarkan Lokaliti	4
Keanggotaan Koperasi Mengikut Kluster dan Fungsi Koperasi	5
Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi	6

BAB 2

DEMOGRAFI DAN SOSIO-EKONOMI KOPERASI

PENGENALAN

Bahagian ini akan melaporkan perkembangan demografi dan sosio-ekonomi anggota koperasi. Dua daripada enam teras strategi dalam DKN 2011-2020 telah menetapkan beberapa inisiatif dalam meningkatkan keupayaan modal insan dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi. Keyakinan masyarakat ini dapat diukur melalui penglibatan anggota dalam koperasi. Ini bermakna kejayaan sesebuah koperasi itu diukur menerusi kesejahteraan anggotanya.

LANDSKAP DEMOGRAFI GERAKAN KOPERASI

Pada awal kewujudan koperasi di negara ini iaitu bermula pada tahun 1922, jumlah keanggotaan koperasi adalah 825 orang. Bilangan anggota terus bertambah selaras dengan bilangan koperasi di Malaysia. Pada tahun 2011, ketika pelancaran DKN II, bilangan anggota pada ketika itu berjumlah 7.04 juta. Sehingga Disember 2020, gerakan koperasi

dianggotai oleh 6.5 juta warganegara.

Bagi menggambarkan landskap demografi gerakan koperasi, latar belakang demografi anggota akan dibentangkan yang mengandungi maklumat jantina, umur dan kaum. Seterusnya maklumat keanggotaan berdasarkan kumpulan sasar yang meliputi lokaliti bandar dan luar bandar akan dibentangkan bagi memberikan gambaran tentang peningkatan pegangan syer anggota dalam tempoh 10 tahun semasa tempoh pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020.


Komposisi Keanggotaan Mengikut Jantina

Bilangan anggota koperasi masih didominasi oleh golongan lelaki, yang menunjukkan perbezaan agak ketara pada nisbah 6:4. Jadual 2.1 menunjukkan bilangan anggota mengikut jantina yang menyertai koperasi pada tahun 2011, 2015 dan 2020.

Jadual 2.1: Keanggotaan Koperasi Mengikut Jantina Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Tahun	Lelaki	Wanita	Jumlah
2011	4,153,782	2,886,526	7,040,308
2015	4,343,163	3,148,027	7,491,190
2020	3,709,434	2,803,079	6,512,513

Rajah 2.1: Keanggotaan Koperasi Mengikut Jantina Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020



Rajah 2.1 menunjukkan trend keanggotaan koperasi mengikut jantina bagi tempoh 10 tahun berdasarkan 3 peringkat iaitu mengambil kira keanggotaan tahun 2011, 2015 dan 2020. Bagi tempoh 10 tahun, didapati trend keanggotaan menurun. Penurunan ini berlaku apabila koperasi mengemaskinikan maklumat keanggotaannya bagi mematuhi Seksyen 15 Akta 502. Tambahan lagi pada tahun 2017, SKM telah membangunkan sistem eSISPRO yang membolehkan maklumat keanggotaan koperasi dimuatnaik oleh koperasi sendiri dari semasa ke semasa. Pada tahun 2020, nisbah anggota lelaki dan wanita menunjukkan

komposisi keanggotaan 57% anggota lelaki dan 43% wanita.

Komposisi Keanggotaan Mengikut Umur

Berdasarkan julat umur empat kategori, keanggotaan tertinggi dalam gerakan koperasi adalah dalam kumpulan umur 18 - 40 tahun iaitu sebanyak 38.01%, diikuti kedua terbanyak dalam kalangan anggota berumur 40 - 60 sebanyak 32.20%. Selebihnya adalah warga emas berusia 60 tahun ke atas, 24.00% dan pelajar 5.79%


Jadual 2.2: Keanggotaan Koperasi Mengikut Julat Umur Bagi Tahun 2020


Julat Umur	Lelaki	%	Wanita	%	Keseluruhan	%
13 - 18	187,296	5.05%	189,646	6.77%	376,942	5.79%
18 - 40	1,288,576	34.74%	1,186,800	42.34%	2,475,376	38.01%
40 - 60	1,169,288	31.52%	927,589	33.09%	2,096,877	32.20%
> 60	1,064,274	28.69%	499,044	17.80%	1,563,318	24.00%
Jumlah	3,709,434	100.00%	2,803,079	100.00%	6,512,513	100.00%

Berdasarkan julat umur ini dapat dirumuskan bahawa anggota dalam kumpulan berusia 40 hingga 60 tahun yang paling ramai menyertai koperasi pada tahun 2020. Komposisi keanggotaan ini diwakili oleh anggota yang telah berada dalam gerakan koperasi sejak tahun 2011. Selain itu, dalam tempoh pelaksanaan DKN II berlaku kemasukan anggota baharu, berikutan program penggalakan koperasi yang dilaksanakan SKM bagi menarik lebih ramai masyarakat berkoperasi.

Rajah 2.2 (i) dan 2.2(ii) menunjukkan keanggotaan lelaki dan wanita berdasarkan julat umur. Komposisi keanggotaan lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan julat umur yang ketara, melainkan lebih ramai lelaki berusia 60 tahun ke atas menyertai koperasi (29%) berbanding wanita hanya 18%. Ini menunjukkan sebahagian anggota wanita akan menamatkan keanggotaannya dalam koperasi apabila memasuki usia emas.

Rajah 2.2 (i): Keanggotaan Koperasi Mengikut Julat Umur Bagi Lelaki



Rajah 2.2 (ii): Keanggotaan Koperasi Mengikut Julat Umur Bagi Wanita


Komposisi Keanggotaan Mengikut Kaum

Terdapat empat kategori kaum utama yang menyertai koperasi iaitu Bumiputera Melayu, Bumiputera Bukan Melayu, Cina, India dan

Lain-lain. Jadual 2.3 menunjukkan penglibatan Bumiputera Melayu merupakan yang tertinggi iaitu sebanyak 81.6%, diikuti kaum Cina 8.5 %, kaum India 5.2%, Bumiputera Bukan Melayu 4.7% dan kaum lain-lain 0.1%.

Jadual 2.3: Keanggotaan Koperasi Mengikut Kaum Bagi Tahun 2020

Negeri	Bumiputra Melayu	Bumiputra Bukan Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah
Ibu Pejabat	980,822	834	953	780		983,389
Johor	414,221	25,006	58,692	16,360	66	514,345
Kedah	258,718	331	8,190	13,005	1,399	281,643
Kelantan	291,043	998	4,030	1,419	466	297,956
Melaka	120,341	1,265	17,280	7,125	11	146,022
Negeri Sembilan	124,969	709	10,756	15,862	8	152,304
Pahang	335,802	1,360	9,638	5,487	183	352,470
Perak	285,868	1,747	33,691	25,082	57	346,445
Perlis	45,168	678	1,503	297	421	48,067
Pulau Pinang	95,647	405	17,777	8,368	40	122,237
Sabah	181,183	81,764	14,339	1,888	612	279,786
Sarawak	93,137	124,379	45,991	687	45	264,239
Selangor	487,947	7,451	58,553	102,030	66	656,047
Terengganu	219,536	111	2,031	361	20	222,059
Wilayah Persekutuan	1,358,250	56,126	265,134	140,225	48	1,819,783

Rajah 2.3: Komposisi Keanggotaan Koperasi Mengikut Kaum Bagi Tahun 2020


Komposisi Keanggotaan Mengikut Jenis Pekerjaan

Dari segi latar belakang pekerjaan, rekod menunjukkan puluhan jenis pekerjaan telah dimuatnaik oleh koperasi menerusi system eSISPRO secara sendiri. Daripada jenis-jenis pekerjaan tersebut, dapat digambarkan bahawa empat kategori utama pekerjaan dalam kalangan anggota adalah golongan profesional, pekerja kumpulan sokongan, bekerja sendiri, tidak bekerja dan pelajar. Golongan pelajar ini mewakili anggota koperasi sekolah, kolej atau universiti.

Jadual 2.4 menunjukkan empat jenis pekerjaan anggota koperasi yang didominasi oleh kumpulan sokongan sebanyak 2.78 juta, diikuti pelajar 1.88 juta dan selebihnya golongan profesional dan bekerja sendiri masing-masing 0.98 juta dan 0.81.

Jadual 2.4: Keanggotaan Koperasi Mengikut Pekerjaan Bagi 2020

Kumpulan Pekerjaan	Bilangan Anggota
Sokongan	2,787,279
Pelajar	1,881,699
Profesional	985,596
Bekerja Sendiri	818,152
Tidak Bekerja	39,787
Jumlah	6,512,513

Rajah 2.4: Keanggotaan Koperasi Mengikut Pekerjaan bagi Tahun 2020

PERKEMBANGAN KOPERASI MENGIKUT KUMPULAN SASAR

Sejak penubuhan koperasi pada tahun 1922 sehinggalah kini hampir mencecah 100 tahun kewujudan koperasi di negara ini, sektor koperasi telah berevolusi dari aspek penglibatan kumpulan sasaran dalam masyarakat. Di awal wujudnya koperasi, kumpulan sasanya adalah golongan petani di luar bandar dan penjawat awam di bandar. Penglibatan masyarakat semakin meningkat dari semasa ke semasa sehingga hampir semua lapisan masyarakat menyertai koperasi dari pelbagai latar belakang. Sehingga tahun 2020, SKM merekodkan sebanyak 68 kumpulan sasaran.

Kini setelah mencecah hampir 100 tahun kewujudan koperasi di negara ini, menerusi pelaksanaan DKN 2011-2020, dapat dilihat kumpulan sasaran yang pada asalnya didominasi oleh golongan petani di luar bandar (rancangan pembangunan tanah) dan juga penjawat awam

di bandar, koperasi telah disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat dan orang awam merupakan kumpulan terbesar yang menyertai koperasi.


KEANGGOTAAN MENGIKUT KUMPULAN SASAR

Berdasarkan Jadual dan Rajah 2.5, sebanyak 68 kumpulan sasaran telah didaftarkan dengan jumlah keanggotaan 6.5 juta. Daripada 68 kumpulan sasaran ini, 5 kumpulan sasaran yang terbesar mendominasi keseluruhan keanggotaan koperasi iaitu 56.6% daripada keseluruhan populasi. Kumpulan sasaran tersebut merangkumi orang awam, iaitu seramai 1.99 juta anggota (31.5%), diikuti kumpulan sasaran sekolah kerajaan harian seramai 1.06 juta anggota (19.4%), dan seterusnya kakitangan beruniform 0.29 juta (6.2%), Pekerja syarikat 4.0% dan Belia 6.7%. Selebihnya adalah gabungan 63 kumpulan sasaran kecil dengan jumlah keanggotaan seramai 2.8 juta orang iaitu 33.2% daripada keseluruhan anggota.

Jadual 2.5: Keanggotaan Mengikut Kumpulan Sasar Yang Terbesar Bagi Tahun 2011 -2020

Kumpulan Sasar Terbesar	2011	2015	2020
	Keanggotaan	Keanggotaan	Keanggotaan
Orang Awam	2,218,514	2,375,946	1,998,137
Sekolah Kerajaan Harian	1,362,352	1,106,343	1,058,980
Belia	468,511	86,057	81,011
Kakitangan Beruniform	368,603	343,902	288,919
Pekerja Syarikat	284,349	281,632	249,184
Kumpulan Sasar Lain (63 Kumpulan)	2,337,979	3,297,310	2,836,282
Jumlah	7,040,308	7,491,190	6,512,513

Rajah 2.5: Keanggotaan Mengikut Kumpulan Sasar Yang Terbesar Bagi Tahun 2011 - 2020



Kumpulan sasar orang awam kekal mendominasi jumlah syer tertinggi berjumlah RM5.2 bilion diikuti kumpulan sasar peneroka Felda sebanyak RM2.6 billion kumpulan sasar kakitangan beruniform sebanyak RM2.3 bilion kumpulan sasar Pekerja syarikat RM1.4 bilion dan kumpulan sasar Pekerja Jabatan/Agensi Kerajaan sebanyak RM1.2 bilion


dan selebihnya sebanyak RM3 bilion adalah dimiliki oleh lain-lain 63 kumpulan sasar.

Korelasi ini menunjukkan sektor koperasi mempunyai kepentingan dan sensitiviti sosio ekonomi yang kuat kepada rakyat kategori orang awam.

Jadual 2.6: Pemilikan Syer Terbesar Anggota Mengikut Kumpulan Sasar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Kumpulan Sasar Terbesar	2011 (RM juta)	2015 (RM juta)	2020 (RM juta)
Orang Awam	4,297.34	4,409.38	5,299.66
Peneroka Felda	2,596.10	2,681.24	2,636.53
Kakitangan Beruniform	1,498.66	1,766.23	2,284.11
Perkerja Syarikat	1,175.96	1,313.23	1,372.8
Kakitangan Jabatan/Agensi	1,125.85	1,171.65	1,211.13
Kumpulan Sasar Lain (63 Kumpulan)	2,118.03	2,469.79	3,001.15
Jumlah	12,811.94	13,811.52	15,805.38

Rajah 2.6: Pemilikan Syer Anggota Mengikut Kumpulan Sasar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020



Pemilikan syer perkapita anggota dapat dilihat pada Jadual 2.7, kumpulan sasar gabungan dewasa memperoleh pendapatan perkapita tertinggi sebanyak RM15,999.88. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan 5% berbanding 2015 iaitu RM16,839.74 tetapi berlaku peningkatan 100% berbanding 2011 iaitu RM8,504.81.


Pemilikan syer kedua tertinggi adalah kumpulan sasar profesional iaitu RM10,160.65. Ianya menunjukkan trend penurunan dalam tempoh 10

tahun iaitu RM11,268.43 (2011) dan RM10,478.36 (2015).

Kakitangan beruniform merupakan kumpulan sasar yang mempunyai pendapatan perkapita ketiga tertinggi iaitu RM7,899.57. Trend 10 tahun bagi kumpulan sasar ini berbeza dengan kumpulan sasar profesional dimana kumpulan sasar ini menunjukkan peningkatan dari 2011 (RM4,063.50) dan 2015 (RM5,126.52).

Jadual 2.7: Pemilikan Syer Perkapita Terbesar Anggota Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar

Kumpulan Sasar Terbesar	2011 (RM)	2015 (RM)	2020 (RM)
Gabungan Dewasa	8,504.81	16,839.74	15,999.88
Profesional	11,268.43	10,478.36	10,160.65
Kakitangan Beruniform	4,063.50	5,126.52	7,899.57
Peneroka Felda	6,625.26	6,802.93	7,137.06
Kakitangan Badan Berkanun Persekutuan	3,931.78	4,464.15	6,362.4
Kumpulan Sasar Lain (63 Kumpulan)	48,806.11	57,584.11	76,043.01

Rajah 2.7: Pemilikan Syer Perkapita Terbesar Anggota Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar

KEANGGOTAAN KOPERASI BERDASARKAN LOKALITI

Penyertaan koperasi di bandar dan luar bandar menunjukkan perbezaan yang agak ketara dari segi kumpulan sasar dan pemilikan syer. Dari tahun 2011 hingga 2020, penyertaan anggota dari kawasan luar bandar yang tertinggi merupakan kumpulan sasar Sekolah Kerajaan Harian, Orang Awam, Peneroka Felda, Pekebun Kecil Risda dan Peserta Felcra. Secara keseluruhannya, trend keanggotaan bagi kumpulan sasar tersebut adalah tidak konsisten iaitu berlaku kenaikan bilangan anggota pada tahun 2015. Namun pada tahun 2020, berlaku penurunan yang agak ketara dalam pemilikan syer. Dari segi pemilikan syer perkapita, meskipun bilangan keanggotaan menurun, jumlah syer perkapita telah meningkat terutama bagi kumpulan sasar peneroka Orang Awam, Peneroka Felda dan Peserta Felcra.

Pada tahun 2011, jika dilihat dari segi jumlah syer dan purata pemilikan syer setiap anggota daripada kumpulan sasar tersebut menunjukkan setiap seorang masing-masing mempunyai syer


terkumpul RM5.19 juta (RM8 perkapita) bagi sekolah kerajaan harian, orang awam RM59.6 juta (RM427 perkapita), Peneroka Felda RM44.21 juta (RM404 perkapita), Pekebun Kecil Risda RM13.53 juta (RM210 perkapita) dan peserta Felcra RM52.32 juta (RM1,103 perkapita).

Pada tahun 2015, berlaku kenaikan bagi pemilikan syer setiap anggota Sekolah Harian Kerajaan iaitu dengan syer terkumpul RM8.17 juta (RM10 perkapita), orang awam RM99.31 juta (RM561 perkapita), Peneroka Felda RM50.9 juta (RM462 perkapita), Pekebun Kecil Risda RM16.87 juta (RM233 perkapita) dan peserta Felcra RM56.67 juta (RM1,151 perkapita).

Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 bilangan anggota bagi kumpulan sasar yang dinyatakan menurun, namun pemilikan syer meningkat iaitu bagi Sekolah Harian Kerajaan syer terkumpul berjumlah RM7.16 juta (RM15 perkapita), orang awam RM115.26 juta (RM950 perkapita), Peneroka Felda RM54.14 juta (RM526 perkapita), Pekebun Kecil Risda RM14.61 juta (RM260 perkapita) dan peserta Felcra RM58.58 juta (RM1,406 perkapita).

Jadual 2.8: Komposisi Tertinggi Keanggotaan Mengikut Kumpulan Sasar di Luar Bandar Bagi Tahun 2011 -2020

Kumpulan Sasar Terbesar di Luar Bandar	2011		2015		2020	
	Anggota (juta)	Syer/Yuran (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer/Yuran (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer/Yuran (RM juta)
Sekolah Kerajaan Harian	0.62	5.19	0.79	8.17	0.47	7.16
Orang Awam	0.14	59.59	0.18	99.31	0.12	115.26
Peneroka Felda	0.11	44.21	0.11	50.9	0.10	54.14
Pekebun Kecil Risda	0.06	13.53	0.07	16.87	0.06	14.61
Peserta Felcra	0.05	52.32	0.05	56.67	0.04	58.58
Kumpulan Sasar Lain (63 Kumpulan)	0.3	81.1	0.45	208.27	0.29	138.11
Jumlah	1.28	255.94	1.65	440.19	1.08	329.28

Rajah 2.8: Komposisi Tertinggi Keanggotaan Mengikut Kumpulan Sasar di Luar Bandar Bagi Tahun 2011 -2020

Penyertaan koperasi di bandar menunjukkan perbezaan yang amat ketara jika dibandingkan dengan penyertaan di luar bandar. Pada tahun 2011, jika dilihat dari segi syer terkumpul dan purata pemilikan syer setiap anggota, kumpulan sasar yang mempunyai bilangan anggota tertinggi dibandar ialah orang awam dengan syer terkumpul RM4.24 bilion (RM1,910 perkapita), kumpulan sasar kedua teramai ialah anggota dari sekolah kerajaan harian dengan syer terkumpul RM13.25 juta (RM9 perkapita), diikuti oleh Kakitangan Beruniform RM1.49 bilion (RM4,064 perkapita), Peneroka Felda RM2.55 bilion (RM9,032 perkapita) dan Pekerja Syarikat RM1.2 bilion (RM4,112 perkapita).

Pada tahun 2015, berlaku kenaikan bagi pemilikan syer setiap anggota dimana bagi orang awam syer terkumpul berjumlah RM4.31 bilion (RM1,814 perkapita), sekolah kerajaan harian RM11.15 juta (RM10 perkapita), Kakitangan Beruniform RM1.77 bilion (RM5,133 perkapita), Peneroka Felda RM2.63


bilion (RM9,264 perkapita) dan Pekerja Syarikat RM1.30 bilion (RM4,632 perkapita).

Pada Tahun 2020 bilangan anggota bagi kumpulan sasar yang dinyatakan menurun, namun pemilikan syer bagi setiap anggota tetap meningkat. Syer terkumpul bagi orang awam berjumlah RM18 bilion (RM2,595 perkapita), sekolah kerajaan harian RM16.17 juta (RM15 perkapita), Kakitangan Beruniform RM2.28 bilion (RM7,903 perkapita), Peneroka Felda RM2.58 bilion (RM9,692 perkapita) dan Pekerja Syarikat RM1.36 bilion (RM5,477 perkapita).

Ini menunjukkan bahawa walaupun bilangan anggota bagi setiap kumpulan sasar menurun, jumlah syer/yuran sentiasa meningkat kerana keperluan modal dalam menjalankan operasi koperasi.

Jadual 2.9: Komposisi Tertinggi Keanggotaan Mengikut Kumpulan Sasar di Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Kumpulan Sasar Terbesar di Bandar	2011		2015		2020	
	Anggota (juta)	Syer/Yuran (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer/Yuran (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer/Yuran (RM juta)
Orang Awam	2.22	4,237.74	2.38	4,310.07	2.00	7.16
Sekolah Kerajaan Harian	1.36	13.25	1.11	11.15	1.06	115.26
Kakitangan Beruniform	0.37	1,498.00	0.34	1,765.42	0.30	54.14
Peneroka Felda	0.28	2,551.90	0.28	2,630.34	0.27	14.61
Perkerja Syarikat	0.28	1,169.30	0.28	1,304.58	0.25	58.58
Kumpulan Sasar Lain (63 Kumpulan)	1.82	3,085.82	1.45	3,349.77	1.54	138.11
Jumlah	6.33	12,556.01	5.84	13,371.33	5.42	15,417.56

Rajah 2.9: Komposisi Tertinggi Keanggotaan Mengikut Kumpulan Sasar di Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

KEANGGOTAAN KOPERASI MENGIKUT KLUSTER DAN FUNGSI KOPERASI

Trend keanggotaan mengikut kluster dan fungsi menunjukkan perbezaan yang ketara di bandar dan luar bandar. Berdasarkan jadual 2.10(i), keanggotaan yang paling ramai di bandar adalah kluster besar iaitu berjumlah 2.84 juta orang pada tahun 2020. Berlaku penurunan jumlah keanggotaan bagi kluster ini sejak tahun 2011 yang menunjukkan tahun 2011 seramai 3.03 juta orang dan pada tahun 2015 seramai 3.12 juta orang.

Kluster mikro mendominasi tempat kedua dengan jumlah anggota seramai 1.36 juta orang pada tahun 2020, menunjukkan peningkatan melebihi 49.5% iaitu pada tahun 2011, keanggotaan seramai 0.91 juta orang.

Kluster kecil di kedudukan ketiga terbesar iaitu berjumlah 0.71 juta orang. Ini menunjukkan penurunan dari tahun 2011 (1.58 juta orang) sebanyak 55.1% namun peningkatan kalau dibandingkan dengan tahun 2015 (0.7 juta orang).

Seterusnya, sederhana merupakan kluster yang terendah keanggotaannya dimana pada tahun 2020 adalah seramai 0.51 juta orang. Ini juga menunjukkan penurunan dari tahun 2011 (0.82 juta) dan 2015 (0.74 juta).

Dapat dilihat bahawa koperasi kluster besar mempunyai anggota yang ramai dengan saiz modal RM13.46 bilion yang memberi peluang ekonomi yang lebih besar.

Jadual 2.10 (i): Keanggotaan Koperasi Mengikut Kluster Koperasi di Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Kluster	2011		2015		2020	
	Anggota (juta)	Syer (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer (RM juta)
Besar	3.03	10,143.88	3.12	11,799.37	2.84	13,460.00
Sederhana	0.82	686.50	0.74	1,151.35	0.51	1,173.07
Kecil	1.58	282.08	0.70	215.35	0.71	470.94
Mikro	0.91	1,443.55	1.29	205.26	1.36	313.54
Jumlah	6.34	12,556.01	5.85	13,371.33	5.42	15,417.56

Jadual 2.10 (ii): Keanggotaan Koperasi Mengikut Kluster Koperasi Luar Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Kluster	2011		2015		2020	
	Anggota (juta)	Syer (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer (RM juta)	Anggota (Juta)	Syer (RM juta)
Besar	0.06	46.61	0.09	116.86	0.05	104.15
Sederhana	0.34	80.86	0.15	131.02	0.11	95.02
Kecil	0.78	67.14	0.42	93.16	0.27	91.69
Mikro	0.10	61.32	1.00	99.15	0.65	97.01
Jumlah	1.28	255.93	1.66	440.19	1.08	387.87

Bagi koperasi di luar bandar pula, Jadual 2.10(ii) menunjukkan keanggotaan yang paling ramai adalah kluster mikro iaitu berjumlah 0.65 juta orang pada tahun 2020. Berlaku perubahan yang tidak konsisten dari 2011 (0.10 juta) dan 2015 (1.00 juta).


Kluster kecil mendominasi tempat kedua dengan jumlah anggota seramai 0.27 juta orang pada tahun 2020, menunjukkan penurunan melebihi 99% iaitu pada tahun 2011, keanggotaan seramai 0.72 juta orang dan 2015 (0.42 juta).

Kluster sederhana di kedudukan ketiga terbesar iaitu berjumlah 0.11 juta orang. Ini menunjukkan

penurunan dari tahun 2011 (0.34 juta orang) dan 2015 (0.15 juta orang).

Seterusnya, kluster besar merupakan kluster yang terendah keanggotaannya iaitu pada tahun 2020 seramai 0.05 juta orang. Ini juga menunjukkan penurunan dari tahun 2011 (0.06 juta) dan tahun 2015 (0.09).

Bilangan koperasi kluster kecil dan mikro yang banyak di luar bandar menunjukkan bahawa ia menjadi tumpuan komuniti bagi menyertai aktiviti koperasi untuk mendapatkan manfaat sosio-ekonomi masing-masing.

Rajah 2.10: Keanggotaan Koperasi Mengikut Kluster Koperasi di Bandar dan Luar Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Dari segi keanggotaan mengikut fungsi, Jadual 2.11(i) menunjukkan pada bilangan koperasi mengikut fungsi di bandar. Pada tahun 2020, terdapat tiga fungsi yang mempunyai jumlah anggota melebihi 1 juta orang iaitu fungsi pengguna sebanyak 1.56 juta orang, fungsi kredit (1.15 juta) dan perkhidmatan (1.03 juta). Fungsi yang lain mempunyai anggota kurang 1 juta orang iaitu perbankan (0.98 juta), pertanian (0.46 juta), perumahan (0.14 juta), pembinaan (0.08 juta), pengangkutan dan perindustrian masing-masing 0.01 juta orang.

Berlaku penurunan keanggotaan bagi fungsi pengguna iaitu sebanyak 17.5% berbanding 2011 (1.89 juta) dan 3.7% berbanding 2015 (1.62 juta).

Begitu juga bagi fungsi kredit berlaku penurunan 13.5% berbanding 2011 (1.33 juta) dan 10.9% berbanding 2015 (1.29 juta). Walau bagaimanapun, keanggotaan fungsi perkhidmatan berlaku peningkatan sebanyak 26.3% berbanding 2011 (0.80 juta orang) dan 17.5% berbanding 2015 (0.86 juta).

Jadual 2.11 (i): Keanggotaan Koperasi Mengikut Fungsi Koperasi di Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Fungsi	2011		2015		2020	
	Bil Anggota (juta)	Syer (RM juta)	Bil Anggota (juta)	Syer (RM juta)	Bil Anggota (juta)	Syer (RM juta)
Kredit	1.33	5,226.78	1.29	5,865.13	1.15	6,744.72
Pembinaan	0.47	26.93	0.09	31.05	0.08	35.33
Pengangkutan	0.03	10.89	0.03	10.55	0.01	17.44
Pengguna	1.89	253.67	1.62	286.51	1.56	576.49
Perbankan	1.01	3,349.46	1.28	3,319.15	0.98	3,899.37
Perindustrian	0.01	9.17	0.009	10.60	0.01	16.47
Perkhidmatan	0.80	2,981.33	0.86	3,112.08	1.03	3,276.15
Pertanian	0.63	524.73	0.55	543.35	0.46	654.22
Perumahan	0.16	173.04	0.13	192.92	0.14	197.38
Jumlah	6.33	12,556.01	5.84	13,371.33	5.42	15,417.56


Jadual 2.11(ii) pula menunjukkan keanggotaan mengikut fungsi di luar bandar. Pada tahun 2020, keanggotaan paling tinggi adalah fungsi pengguna iaitu sebanyak 0.66 juta orang, diikuti pertanian (0.16 juta), pengangkutan (0.12 juta), perkhidmatan (0.11 juta), kredit (0.02 juta), pembinaan (0.007), perindustrian dan perumahan masing-masing 0.007 juta dan perumahan 0.004 juta anggota.

Keanggotaan bagi fungsi pengguna berlaku perubahan yang tidak konsisten bagi tahun 2011 dan

2015 iaitu berlaku kenaikan pada 2015 (1.08 juta) berbanding 2011 (0.84 juta) dan berlaku penurunan sebanyak 46.9% berbanding 2020 (0.66 juta). Begitu juga bagi fungsi pertanian, keanggotaan pada tahun 2011 adalah sebanyak 0.17 juta orang, berlaku kenaikan keanggotaan berjumlah 0.21 juta orang pada 2015 namun penurunan sebanyak 23.8% pada tahun 2020 (0.16 juta). Walau bagaimanapun, tiada perubahan keanggotaan bagi fungsi pengangkutan iaitu sebanyak 0.12 juta orang bagi tahun 2011, 2015 dan 2020.

Jadual 2.11 (ii): Keanggotaan Koperasi Mengikut Fungsi Koperasi di Luar Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020

Fungsi	2011		2015		2020	
	Bil Anggota (juta)	Syer (RM juta)	Bil Anggota (juta)	Syer (RM juta)	Bil Anggota (juta)	Syer (RM juta)
Kredit	0.03	31.30	0.05	112.24	0.02	42.24
Pembinaan	0.007	2.14	0.04	36.65	0.007	2.71
Pengangkutan	0.12	55.08	0.12	58.49	0.12	62.58
Pengguna	0.84	46.20	1.08	82.16	0.66	69.15
Perbankan	0	0	0	0	0	0
Perindustrian	0.006	0.86	0.01	1.26	0.007	1.38
Perkhidmatan	0.11	49.05	0.12	46.67	0.11	106.79
Pertanian	0.17	69.92	0.21	96.01	0.16	99.70
Perumahan	0.005	1.39	0.01	6.71	0.004	3.32
Jumlah	1.28	255.93	1.65	440.19	1.08	387.86

Rajah 2.11 : Keanggotaan Koperasi Mengikut Fungsi Koperasi di Bandar dan Luar Bandar Bagi Tahun 2011, 2015 dan 2020


Jadual 2.11(ii) pula menunjukkan keanggotaan mengikut fungsi di luar bandar. Pada tahun 2020, keanggotaan paling tinggi adalah fungsi pengguna iaitu sebanyak 0.66 juta orang, diikuti pertanian (0.16 juta), pengangkutan (0.12 juta), perkhidmatan (0.11 juta), kredit (0.02 juta), pembinaan (0.007), perindustrian dan perumahan masing-masing 0.007 juta dan perumahan 0.004 juta anggota.

Keanggotaan bagi fungsi pengguna berlaku perubahan yang tidak konsisten bagi tahun 2011

dan 2015 iaitu berlaku kenaikan pada 2015 (1.08 juta) berbanding 2011 (0.84 juta) dan berlaku penurunan sebanyak 46.9% berbanding 2020 (0.66 juta). Begitu juga bagi fungsi pertanian, keanggotaan pada tahun 2011 adalah sebanyak 0.17 juta orang, berlaku kenaikan keanggotaan berjumlah 0.21 juta orang pada 2015 namun penurunan sebanyak 23.8% pada tahun 2020 (0.16 juta). Walau bagaimanapun, tiada perubahan keanggotaan bagi fungsi pengangkutan iaitu sebanyak 0.12 juta orang bagi tahun 2011, 2015 dan 2020.

Jadual 2.12: Pemilikan Syer Anggota Mengikut Fungsi Bagi Tahun 2020

Fungsi	Keanggotaan (Juta)	Syer/yuran (RM Juta)
Kredit	1.17	6,786.96
Pembinaan	0.09	38.04
Pengangkutan	0.13	80.02
Pengguna	2.23	645.64
Perbankan	0.98	3,899.36
Perindustrian	0.02	17.84
Perkhidmatan	1.14	3,382.94
Pertanian	0.61	753.92
Perumahan	0.14	200.70
Jumlah	6.51	15,805.42

Rajah 2.12: Keanggotaan Koperasi Mengikut Fungsi dan Pemilikan Syer Koperasi bagi Tahun 2020

INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI

Pada tahun 2018, Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah melaksanakan Kajian Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM'18). Indeks ini dibangunkan bagi mewujudkan kayu pengukur dalam menguruskan pembangunan koperasi daripada aspek kesejahteraan anggota berkoperasi. Kesejahteraan dalam konteks kajian ini merujuk kepada kepuasan yang diperolehi oleh anggota, keluarga dan komuniti koperasi hasil daripada manfaat yang diterima daripada aktiviti berkoperasi.

Indeks ini amat penting dalam mengenalpasti impak sesuatu komitmen atau perbelanjaan gerakan koperasi sama ada dalam bentuk pelaksanaan program, aktiviti serta dasar-dasar yang disediakan oleh pihak Kerajaan serta pihak pemegang taruh.

Bagi memastikan proses penyelidikan yang berintegriti, tiga orang pakar rujuk tetap telah dilantik, di samping 16 orang pakar rujuk lain yang terlibat dalam proses pengesahan pembangunan domain dan indikator IGKM'18 dan juga penentuan domain wajaran. Mereka ini terdiri daripada pakar bidang yang mewakili Institut Pengajian Tinggi Awam, Ketua-ketua Jabatan Agensi Awam dan juga anggota lembaga koperasi termasuk ANGKASA.

Tempoh membangunkan instrumen, mengutip data dan menulis laporan telah mengambil masa selama 2 tahun bermula dari Jun 2017 hingga Jun 2019. Sebanyak 27 kali mesyuarat dan bengkel melibatkan pakar rujuk telah diadakan di sepanjang proses pembangunan IGKM'18 ini.

Hasrat pembangunan instrumen IGKM ini adalah supaya ia dapat dilaksanakan secara berkala iaitu tiga tahun sekali, di mana hasil kajian dapat menentukan trend dan memberikan gambaran

tahap kesejahteraan anggota koperasi di Malaysia.

Skor IGKM 2018

Hasil skor IGKM'18 adalah pada tahap SEDERHANA iaitu 69.1 mata. Pengiraan skor indeks keseluruhan adalah berdasarkan purata jumlah skor berwajaran bagi Enam Domain IGKM'18 seperti di dalam jadual di bawah. Tiga domain yang berada pada skor Memuaskan iaitu domain (i) Kawal Selia dan Tadbir Urus (skor 72.9), (ii) Hubungan Sosial (skor 72.6) dan (iii) Keberkesanan Pengurusan (skor 71.5). Manakala tiga domain lagi berada pada skor Sederhana iaitu domain (i) Penggunaan Teknologi (skor 68.5), (ii) Pembangunan Kendiri (skor 68.0) dan (iii) Ekonomi Anggota (skor 65.4).

Domain	Nilai Skor	Tahap
Ekonomi Anggota	65.4	Sederhana
Pembangunan Kendiri	68.0	Sederhana
Keberkesanan Pengurusan	71.5	Memuaskan
Kawal Selia & Tadbir Urus	72.9	Memuaskan
Hubungan Sosial	72.6	Memuaskan
Penggunaan Teknologi	68.5	Sederhana
Skor Keseluruhan	69.1	Sederhana

(Sumber : Laporan Indeks Gerakan Koperasi Malaysia 2018)

Skor ini merupakan indikator bahawa gerakan koperasi perlu melaksanakan intervensi ekonomi sejajar dengan prinsip-prinsip dan objektif berkoperasi. Pihak-pihak yang berkepentingan dalam gerakan koperasi perlu menyemak semula strategi dan polisi yang ada bagi meningkatkan kesejahteraan anggota berkoperasi.

BAB 3

PRESTASI KEWANGAN SEKTOR KOPERASI

Pengenalan	1
Prestasi Kewangan Keseluruhan	2
Perkembangan Sektor Koperasi Tahun 2011 – 2020	3
Prestasi Perolehan Sektor Koperasi	4
Struktur Komponen Aset Sektor Koperasi	5
Modal Sektor Koperasi	6
Prestasi Keberuntungan Sektor Koperasi	7

BAB 3

PRESTASI KEWANGAN SEKTOR KOPERASI

PENGENALAN

Bahagian ini melaporkan perkembangan sektor koperasi berdasarkan empat komponen utama iaitu bilangan koperasi, perolehan, aset dan modal anggota (syer dan yuran). Faktor ekonomi koperasi iaitu modal, aset, anggota koperasi dan pekerja telah digembelengkan melalui penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi dan penggembelengan keupayaan dan kebolehan koperasi.

PRESTASI KEWANGAN KESELURUHAN

Seiring dengan pertumbuhan bilangan koperasi berdaftar yang semakin meningkat saban tahun, prestasi kewangan sektor koperasi telah menyaksikan pertumbuhan yang stabil berdasarkan empat komponen utama iaitu bilangan koperasi, modal, aset dan perolehan sektor koperasi.


Jadual 3.1: Prestasi Kewangan Keseluruhan Sektor Koperasi

Tahun	Bilangan Koperasi	Modal Syer/Yuran (RM Bilion)	Aset (RM Bilion)	Perolehan (RM Bilion)
2011	9,074	10.49	92.80	23.09
2012	10,087	11.71	100.41	31.10
2013	10,914	12.81	107.90	32.97
2014	11,871	13.47	116.79	34.95
2015	12,769	13.81	123.28	33.56
2016	13,428	13.99	130.74	39.66
2017	13,899	14.35	139.68	39.71
2018	14,247	14.90	142.86	40.32
2019	14,625	15.39	146.78	45.80
2020	14,629	15.81	150.49	41.45
Kadar purata pertumbuhan	6.09%	5.23%	7.92%	20.89%

Berdasarkan analisa prestasi kewangan tahun 2011 sehingga 2020, kadar purata pertumbuhan komponen modal dan aset telah berkembang dengan konsisten sebanyak 5.23% dan 7.92% sejajar dengan pertumbuhan koperasi berdaftar pada kadar 6.09%. Komponen perolehan turut

menunjukkan purata pertumbuhan sebanyak 20.89% iaitu RM23.09 bilion pada tahun 2011 kepada RM41.45 bilion tahun 2020, meskipun dalam keadaan ekonomi yang mencabar terutamanya pada tahun 2015 dan 2020.

Rajah 3.1: Tren Keseluruhan Sektor Koperasi



Wabak pandemik COVID-19 yang mula dikesan pada bulan Disember 2019 telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 dengan penguncupan KDNK -5.6%, yang turut memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi sektor koperasi. Perolehan sektor koperasi pada tahun 2020 telah menguncup -9.48% daripada RM45.80 bilion kepada RM41.45 bilion berikutan sekatan pergerakan di dalam dan luar negara bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, sektor koperasi masih mampu mendepani cabaran ini dengan sokongan dan keyakinan anggota. Ini dapat dilihat daripada

perkembangan positif komponen modal dan aset dalam sektor koperasi. Jumlah modal sektor koperasi sebanyak RM 15.81 bilion telah mencatat pertumbuhan 2.71% berbanding tahun 2019. Aset sektor koperasi turut mencatat pertumbuhan yang stabil pada kadar 2.53% berjumlah RM 150.49 bilion. Keadaan ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap peranan koperasi sebagai wadah pembangunan sosio ekonomi khususnya anggota koperasi. Meskipun, terdapat sedikit kemerosotan dalam prestasi kewangan tahun 2020, sektor koperasi terus bertahan dalam usahanya melestarikan kesejahteraan anggotanya.


PERKEMBANGAN SEKTOR KOPERASI TAHUN 2011 - 2020

TREN KOPERASI MENGIKUT FUNGSI


Pengkelasan fungsi dalam bab ini dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu koperasi fungsi



perbankan, kredit dan bukan kredit (perkhidmatan, pengguna, pertanian, pengangkutan, perumahan, pembinaan dan perindustrian).

Rajah 3.2: Tren Bilangan Koperasi Mengikut Fungsi



Rajah 3.3: Tren Modal Syer dan Yuran Mengikut Fungsi



Rajah 3.4: Tren Aset Mengikut Fungsi**Rajah 3.5: Tren Perolehan Mengikut Fungsi**

Bagi tahun 2011 sehingga 2020, prestasi kewangan sektor koperasi mengikut fungsi adalah seperti berikut:-

- Bilangan koperasi di Malaysia masih didominasi oleh koperasi fungsi pengguna dengan jumlah tertinggi sehingga tahun 2020 sebanyak 5,479 koperasi. Namun, koperasi fungsi perkhidmatan dan pertanian menunjukkan kadar purata pertumbuhan bilangan koperasi tertinggi dalam tempoh 10 tahun iaitu sebanyak 11.02% dan 8.67%;
- Komponen modal masih didominasi oleh koperasi fungsi kredit berjumlah RM6.79 bilion pada tahun 2020 dengan kadar purata pertumbuhan 5.29%. Koperasi bukan kredit iaitu fungsi pengguna dan pertanian menunjukkan kadar purata pertumbuhan tertinggi dalam tempoh 10 tahun iaitu masing-masing sebanyak 10.87% dan 6.97%;
- Aset sektor koperasi masih didominasi oleh koperasi fungsi perbankan berjumlah RM117.29 bilion pada tahun 2020 dengan kadar purata pertumbuhan 7.78%. Namun, koperasi bukan kredit iaitu fungsi pertanian dan perkhidmatan menunjukkan kadar purata pertumbuhan aset tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 13.49% dan 11.57%;
- Perolehan sektor koperasi pada tahun 2020 telah menguncup -9.48% berbanding tahun 2019 yang melibatkan penguncupan semua

fungsi kecuali fungsi perumahan yang masih belum terkesan. Koperasi fungsi pembinaan dan perindustrian telah terjejas dengan ketara dengan penguncupan -34.14% dan -24.29%.

- v. Koperasi perbankan masih mendominasi tren pertumbuhan perolehan dengan menyumbang lebih dua pertiga daripada perolehan keseluruhan sektor koperasi di Malaysia pada tahun 2020 dengan purata pertumbuhan 33.14%. Selain itu, koperasi fungsi kredit dan pertanian menunjukkan kadar purata pertumbuhan perolehan tertinggi masing-masing sebanyak 23.48% dan 23.07% dalam tempoh 10 tahun.

Secara keseluruhan, koperasi fungsi perbankan dan kredit masih mendominasi komponen modal, aset dan perolehan sektor koperasi dari tahun 2011

– 2020. Walau bagaimanapun, koperasi bukan kredit iaitu fungsi perkhidmatan, pengguna dan pertanian telah menunjukkan kadar pertumbuhan tertinggi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

TREN KOPERASI MENGIKUT KLUSTER

Pengkelasan koperasi mengikut kluster adalah berdasarkan perolehan koperasi.

Pertumbuhan bilangan koperasi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini iaitu tahun 2011 hingga 2020 turut memberi kesan kepada peningkatan tren bilangan koperasi kluster besar, sederhana, kecil dan mikro. Tren pertumbuhan ini turut disokong oleh peningkatan keupayaan komponen modal dan aset sektor koperasi.


Jadual 3.2: Bilangan Koperasi Mengikut Kluster

Tahun	Besar	Sederhana	Kecil	Mikro
2011	158	425	1,027	7,464
2012	179	436	1,122	8,350
2013	176	475	1,269	8,994
2014	186	507	1,289	9,889
2015	262	557	1,317	10,633
2016	258	571	1,407	11,192
2017	274	586	1,520	11,519
2018	281	545	1,589	11,832
2019	276	542	1,628	12,179
2020	242	477	1,348	12,562
Kadar purata pertumbuhan	5.70%	1.53%	3.42%	6.00%

Bilangan koperasi bagi semua kluster merekodkan tren yang meningkat dari tahun 2011 – 2020 dengan kadar purata pertumbuhan tertinggi disumbangkan oleh kluster mikro sebanyak 6%. Ini diikuti dengan peratusan pertumbuhan koperasi kluster besar, kecil dan sederhana. Pertumbuhan yang positif ini seiring dengan prestasi perolehan sektor koperasi yang meningkat dengan kadar



pertumbuhan sebanyak 20.89%, iaitu RM23.09 bilion pada tahun 2011 meningkat kepada RM41.45 bilion tahun 2020.


Pertumbuhan bilangan koperasi besar, sederhana dan kecil telah terjejas pada tahun 2020 kerana perolehan sektor koperasi yang menguncup -9.48%.

Rajah 3.6: Tren Bilangan Koperasi Mengikut Kluster

Bagi memberi gambaran yang bermanfaat, dicadangkan rajah 3.7 - 3.9 dipersembahkan

mengikut peratus pegangan koperasi mengikut kluster seperti berikut:-

Rajah 3.7: Tren Modal Syer dan Yuran Mengikut Kluster**Rajah 3.8:** Tren Aset Mengikut Kluster

Rajah 3.9: Tren Perolehan Mengikut Kluster

Secara keseluruhan, koperasi-koperasi kluster besar masih mendominasi keupayaan komponen modal, aset dan perolehan dengan kadar purata pertumbuhan dari tahun 2011- 2020 seperti berikut:

- Komponen modal pada kadar 7.72 % iaitu RM 10.46 bilion;
- Komponen aset pada kadar 8.38 % iaitu RM 119.16 bilion; dan


- Komponen perolehan pada kadar 23.7 % iaitu RM 34.32 bilion.

Sungguh pun bilangan koperasi kluster besar pada tahun 2020 hanya 1.65% iaitu 242 dari keseluruhan bilangan koperasi, ia memberi kesan yang signifikan atas pencapaian peningkatan perolehan serta merupakan penyumbang terbesar perolehan keseluruhan sektor koperasi.


PRESTASI PEROLEHAN SEKTOR KOPERASI

Jadual 3.3: Perolehan Koperasi Mengikut Negeri Tahun 2020

Negeri	Bilangan Koperasi	Perolehan (RM' Bilion)
Ibu Pejabat	3	30.03
Wilayah Persekutuan	1,071	6.82
Pahang	1,178	0.7
Johor	1,456	0.63
Kelantan	926	0.56
Selangor	1,758	0.49
Terengganu	760	0.43
Perak	1,638	0.42
Sabah	1,616	0.35
Kedah	953	0.31
Pulau Pinang	754	0.26
Sarawak	1,077	0.23
Negeri Sembilan	762	0.12
Melaka	457	0.08
Perlis	220	0.02
Jumlah	14,629	41.45

Rajah 3.10: Perolehan Koperasi Mengikut Negeri Tahun 2020**Jadual 3.4:** Perolehan Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020

Fungsi	Perolehan (RM' Billion)
Perbankan	29.94
Kredit	6.45
Perkhidmatan	1.84
Pengguna	1.36
Pertanian	1.06
Pengangkutan	0.59
Perumahan	0.14
Pembinaan	0.05
Perindustrian	0.02
Jumlah	41.45

Rajah 3.11: Perolehan Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020


Fungsi perbankan mencatat perolehan sebanyak RM 29.94 bilion atau pada kadar 72.22% daripada jumlah keseluruhan perolehan sektor koperasi untuk tahun 2020. Pencapaian ini menjadikan fungsi perbankan berjaya mengekalkan dominasi perolehan dalam sektor koperasi secara konsisten setiap tahun, walaupun ketika negara sedang mendepani krisis ekonomi berikutan pandemik COVID-19 dan penutupan sektor ekonomi, serta perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula Mac 2020.

Fungsi kredit dan perkhidmatan masing-masing menyumbang sebanyak RM6.45 bilion (15.56%) dan RM1.84bilion (4.44%) menjadikan ia sebagai penyumbang kedua dan ketiga terbesar perolehan sektor koperasi.

Jadual 3.5: Perolehan Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020

Kluster	Perolehan (RM' Bilion)
Besar	39.57
Sederhana	1.04
Kecil	0.55
Mikro	0.29
Jumlah	41.45


Rajah 3.12: Perolehan Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020



Koperasi-koperasi daripada kluster besar mendominasi jumlah perolehan bagi sektor koperasi dalam tahun 2020 dengan jumlah perolehan sebanyak RM39.57 bilion atau pada kadar 95.46% daripada jumlah perolehan sektor koperasi. Pencapaian ini sedikit merosot

berbanding perolehan tahun sebelum sebanyak RM43.64 bilion atau pada kadar 95.30%. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sebanyak 0.16% daripada dominasi komposisi mengikut perolehan membuktikan kluster besar berpotensi memacu peningkatan sumbangan gerakan koperasi.

Rajah 3.13: Nisbah Pusing Ganti Aset Mengikut Kluster Tahun 2020



Kesemua kluster koperasi dilihat cekap dalam menggunakan aset dalam menjana perolehan. Koperasi kluster kecil paling cekap dalam pusing ganti aset disebabkan saiz aset yang digunakan adalah kecil dengan pencapaian sebanyak 31.60% atau RM 0.55 bilion.

Ini diikuti koperasi kluster sederhana dan kluster besar iaitu masing-masing dengan nisbah pusing ganti aset sebanyak 28.91% dan 27.54%.

STRUKTUR KOMPONEN ASET SEKTOR KOPERASI


Komposisi terbesar aset koperasi adalah didominasi oleh koperasi di bawah seliaan ibu pejabat untuk tahun 2020 iaitu sebanyak RM117.63 bilion atau 78.16%.

Sebahagian besar aset koperasi juga dimiliki oleh koperasi di Wilayah Persekutuan dan Negeri Kelantan iaitu masing-masing sebanyak RM19.73 bilion bersamaan 13.11% dan RM2.48 bilion bersamaan 1.65%

Jadual 3.6: Aset Koperasi Mengikut Negeri 2020

Negeri	Aset (RM Billion)
Ibu Pejabat	117.63
Wilayah Persekutuan	19.73
Kelantan	2.48
Selangor	1.89
Pahang	1.52
Johor	1.29
Perak	1.21
Pulau Pinang	0.85
Sabah	0.85
Kedah	0.74
Terengganu	0.67
Sarawak	0.64
Melaka	0.50
Negeri Sembilan	0.37
Perlis	0.12
Jumlah	150.49


Rajah 3.14: Aset Koperasi Mengikut Negeri Tahun 2020




Aset koperasi dari fungsi perbankan merupakan penyumbang terbesar bagi jumlah keseluruhan aset sektor koperasi untuk tahun 2020 pada kadar RM117.30 bilion bersamaan 77.94%. Fungsi Kredit merupakan penyumbang kedua terbesar dengan jumlah aset sebanyak RM15.95 bilion bersamaan 10.6%.

Jadual 3.7: Aset Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020

Fungsi	Perolehan (RM' Billion)
Perbankan	117.30
Kredit	15.95
Perkhidmatan	9.43
Pertanian	3.87
Pengguna	2.28
Perumahan	1.05
Pengangkutan	0.36
Pembinaan	0.17
Perindustrian	0.08
Jumlah	150.49

Rajah 3.15: Aset Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020**Jadual 3.8:** Aset Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020


Kluster	Perolehan (RM' Bilion)
Besar	143.72
Sederhana	3.61
Kecil	1.73
Mikro	1.43
Jumlah	150.49

Rajah 3.16: Aset Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020

Aset koperasi kluster besar merupakan penyumbang terbesar bagi jumlah keseluruhan aset sektor koperasi untuk tahun 2020 sebanyak RM143.72 bilion atau 95.5%. Hal ini disebabkan

peningkatan aset dalam koperasi dari fungsi perbankan, kredit, dan perkhidmatan pada tahun 2020.

KOMPOSISI ASET SEKTOR KOPERASI

Rajah 3.17: Komposisi Aset Sektor Koperasi Tahun 2020

Komponen utama aset sektor koperasi bagi tahun 2020 adalah pinjaman/pembiayaan sebanyak 61%, ini adalah dipengaruhi oleh koperasi berkluster besar yang majoritinya terdiri daripada koperasi perbankan dan kredit. Komponen kedua terbesar adalah aset pelaburan sebanyak 26% yang mana merangkumi pelaburan koperasi dalam subsidiari/bersekutu, pelaburan dalam syer, pelaburan dalam hartanah dan lain-lain pelaburan.

Perincian Komponen Aset Fungsi Perbankan

Fungsi perbankan merupakan tunjang utama

kepada gerakan koperasi di Malaysia. Jumlah aset dalam sektor perbankan untuk tahun 2020 berjumlah RM117.30 bilion yang mewakili 78% daripada keseluruhan jumlah aset sektor koperasi.

Oleh itu, aset-aset pembiayaan yang berkualiti serta aset tunai dan kesetaraan tunai adalah merupakan komponen aset yang amat penting dalam memastikan daya tahan (resilience) koperasi ini dalam mengurangkan serta mengawal risiko-risiko bawaan khususnya risiko kredit dan risiko likuiditi.

Jadual 3.9: Komposisi Aset Fungsi Perbankan Tahun 2020

Aset Tetap (RM Bilion)	Pelaburan (RM Bilion)	Aset Semasa (RM Bilion)	Aset Pembiayaan (RM Bilion)	Aset Lain (RM Bilion)	Jumlah Aset (RM Bilion)
1.01	32.75	3.3	80.08	0.16	117.30

Aset pembiayaan adalah merupakan komponen terbesar iaitu RM80.08 bilion mewakili 68.27% daripada jumlah keseluruhan aset dari fungsi perbankan untuk tahun 2020. Ini diikuti dengan aset pelaburan sebanyak RM32.75 bilion yang dilaburkan dalam syarikat subsidiari, saham siar harga dan tidak siar harga, hartanah dan lain-lain.

Sebahagian besar aset semasa diwakili dengan aset tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.09 bilion mewakili 0.93% daripada keseluruhan jumlah aset koperasi fungsi perbankan.

MODAL SEKTOR KOPERASI


Jumlah modal (modal syer dan yuran) terbesar di kalangan Negeri-negeri bagi keseluruhan sektor koperasi bagi tahun 2020 ialah jumlah modal koperasi dari Wilayah Persekutuan iaitu sebanyak RM8.04 bilion yang mewakili 50.84% (2019 : RM7.74 bilion, 50.2%).

Komposisi yang menyumbang jumlah modal terbesar adalah disebabkan oleh bilangan koperasi berskala besar lebih banyak di Wilayah Persekutuan berbanding negeri-negeri lain.

Jadual jumlah modal koperasi mengikut Negeri adalah seperti berikut:

Jadual 3.10: Modal Syer dan Yuran Mengikut Negeri Tahun 2020

Negeri	Modal Syer dan Yuran (RM' Billion)
Wilayah Persekutuan	8.04
Ibu Pejabat	3.90
Selangor	0.71
Perak	0.55
Kelantan	0.38
Kedah	0.36
Johor	0.32
Pahang	0.31
Pulau Pinang	0.28
Terengganu	0.25
Sabah	0.21
Sarawak	0.21
Negeri Sembilan	0.12
Melaka	0.11
Perlis	0.06
Jumlah	15.81

Rajah 3.18: Jumlah Modal Koperasi Mengikut Negeri Tahun 2020


Fungsi kredit dan perbankan memainkan peranan penting dalam memastikan sektor koperasi dapat menyumbang kepada KDNK Negara. Fungsi kredit merupakan penyumbang terbesar bagi jumlah keseluruhan untuk modal syer dan yuran bagi tahun 2020 iaitu sebanyak RM6.79 bilion berbanding fungsi perbankan iaitu RM3.9 bilion.

Suntikan kecairan yang tinggi kepada anggota dan masyarakat telah membantu peningkatan taraf hidup anggota dan sekali gus peningkatan sumbangan ekonomi Negara melalui kuasa beli yang tinggi oleh masyarakat. Fungsi-fungsi lain juga membantu dalam peningkatan prestasi koperasi dan ekonomi Negara. Pecahan jumlah modal bagi setiap fungsi bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 3.11: Jumlah Modal Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020

Fungsi	Modal Syer dan Yuran (RM' Billion)
Kredit	6.79
Perbankan	3.90
Perkhidmatan	3.38
Pertanian	0.75
Pengguna	0.65
Perumahan	0.20
Pengangkutan	0.08
Pembinaan	0.04
Perindustrian	0.02
Jumlah	15.81

Rajah 3.19: Jumlah Modal Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020




Sebanyak 85.80% atau RM13.7 billion daripada jumlah keseluruhan modal koperasi disumbangkan oleh koperasi dari kluster besar.

Keanggotaan yang ramai serta keyakinan anggota yang menyumbang kepada sumbangan modal kepada koperasi bagi menjalankan operasi dan pulangan semula kepada anggota melalui bayaran dividen dan lain-lain insentif.

Jadual 3.12: Jumlah Modal Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020

Kluster	Modal Syer dan Yuran (RM' Bilion)
Besar	13.57
Sederhana	1.27
Kecil	0.56
Mikro	0.41
Jumlah	15.81

Rajah 3.20: Jumlah Modal Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020



**PRESTASI
KOPERASI****KEBERUNTUNGAN****SEKTOR**


Prestasi keberuntungan koperasi dapat digambarkan berdasarkan tiga skop utama

iaitu negeri, fungsi dan kluster. Jadual 3.13 memperincikan pecahan prestasi keberuntungan koperasi mengikut negeri bagi tahun 2020.

Jadual 3.13: Keberuntungan Koperasi Mengikut Negeri Tahun 2020

Negeri	Bilangan Koperasi	Keuntungan (RM Billion)
Ibu Pejabat	3	1.44
Wilayah Persekutuan	395	0.60
Pahang	705	0.06
Selangor	650	0.05
Pulau Pinang	290	0.05
Perak	670	0.05
Johor	613	0.04
Kelantan	349	0.04
Terengganu	420	0.04
Sarawak	628	0.03
Sabah	509	0.03
Kedah	503	0.02
Negeri Sembilan	281	0.01
Perlis	79	0.01
Melaka	187	0.01
Jumlah	6,282	2.48

Rajah 3.21: Keberuntungan Koperasi Mengikut Negeri Tahun 2020




Koperasi-koperasi yang dikawalselia oleh Ibu Pejabat mencatatkan jumlah keberuntungan terbesar berjumlah RM1.44 bilion atau pada kadar 57.99% daripada jumlah keberuntungan sektor koperasi bagi tahun 2020.

Manakala koperasi-koperasi di Wilayah Persekutuan

dan Pahang mencatatkan jumlah keberuntungan kedua dan ketiga terbesar sebanyak mencatatkan jumlah keberuntungan kedua dan ketiga terbesar sebanyak RM0.60 bilion dan RM0.06 bilion atau pada kadar 24.08% dan 2.64% daripada jumlah komponen keberuntungan sektor koperasi bagi tahun 2020.

Jadual 3.14: Keberuntungan Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020

Fungsi	Bilangan Koperasi	Keuntungan (RM Bilion)
Perbankan	2	1.44
Kredit	378	0.55
Perkhidmatan	1,118	0.17
Pengguna	3,303	0.13
Pertanian	984	0.11
Perumahan	93	0.06
Pengangkutan	260	0.02
Pembinaan	66	0.002
Perindustrian	78	0.002
Jumlah	6,282	2.48


Rajah 3.22: Keberuntungan Koperasi Mengikut Fungsi Tahun 2020

Koperasi dari fungsi perbankan merupakan penyumbang terbesar bagi jumlah keseluruhan keberuntungan koperasi untuk tahun 2020 sebanyak RM1.44 billion atau pada kadar 57.91%.

Aktiviti pembiayaan kepada anggota dan bukan anggota memberi peluang kepada koperasi perbankan untuk meluaskan pemasarannya berbanding koperasi kredit yang hanya boleh memberi pembiayaan kepada anggota.


Jadual 3.15: Keberuntungan Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020

Kluster	Bilangan Koperasi	Keuntungan (RM Bilion)
Besar	223	2.28
Sederhana	373	0.09
Kecil	1,094	0.06
Mikro	4,592	0.05
Jumlah	6,282	2.48

Rajah 3.23: Keberuntungan Koperasi Mengikut Kluster Tahun 2020

Sebanyak 91.80% daripada jumlah keberuntungan sektor koperasi untuk tahun 2020 adalah daripada

koperasi kluster besar untuk tahun 2020 dengan jumlah RM2.28 bilion.

Rajah 3.24: Tren Keberuntungan Fungsi Perbankan

Prestasi keberuntungan bagi fungsi perbankan daripada tahun 2016 hingga 2019 berada dalam tren volatile dan menurun pada tahun 2020.

Secara keseluruhannya, prestasi keberuntungan sektor koperasi bagi tahun 2020 masih didominasi koperasi kluster besar yang sebahagian besarnya

merupakan koperasi fungsi perbankan, kredit dan perkhidmatan. Usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan kelestarian koperasi secara menyeluruh merentasi segenap lapisan masyarakat, dengan memberikan tumpuan yang lebih khusus terhadap koperasi mikro dan kecil.

BAB 4

PENYELIAAN, PERUNDANGAN DAN TADBIR URUS

Lanskap Perundangan Dan Kawal Selia Gerakan Koperasi	1
Kelestarian Perundangan Koperasi	2
Kelestarian Tadbir Urus	3

BAB 4

PENYELIAAN, PERUNDANGAN DAN TADBIR URUS

LANDSKAP PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA GERAKAN KOPERASI

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah satu entiti yang mendaftarkan, menubuhkan dan mengawal selia koperasi di Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014. Perundangan yang diwujudkan adalah bagi menggalakkan perkembangan koperasi mengikut nilai-nilai kejujuran, kebolehppercayaan dan ketelusan dalam pentadbiran koperasi untuk mencapai objektif sosio ekonomi negara yang baik dan berdaya saing. Kepatuhan kepada perundangan juga dapat menentukan kelestarian sesebuah koperasi di mana Anggota-Anggota Lembaga memikul tanggungjawab untuk menentukan hala tuju sesebuah koperasi. Koperasi adalah hak milik bersama anggota dan Anggota Lembaga hendaklah berhemat dan bertekun dalam menguruskan harta-harta awam dan melaksanakan aktiviti perniagaan seperti mana perniagaan yang biasa. Anggota-anggota Lembaga juga bertanggungjawab secara bersama bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh koperasi seperti mana yang termaktub di bawah Seksyen 45 Akta Koperasi 1993.

Meliberalisasikan Perundangan Koperasi, Suruhanjaya telah membuat pindaan dan penambahbaikan di dalam Akta Koperasi 1993 dan Garis Panduan bagi memastikan koperasi tidak terjerumus dalam birokrasi yang mana boleh menjejaskan perjalanan aktiviti koperasi. Ia bertujuan untuk membantu koperasi mengembangkan aktiviti perniagaan dan pelaksanaan pentadbiran koperasi yang lebih komprehensif. Hasil pindaan dan penambahbaikan yang dilaksanakan juga dapat memberikan koperasi ruang bagi menentukan hala tuju dan meningkatkan produktiviti koperasi sesuai dengan keadaan serta keperluan semasa koperasi.

Dalam membangunkan koperasi yang berdaya saing, Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN 2011-2020) menjadi tunjang dalam melaksanakan lima (5) Teras Strategik utama. DKN 2011 - 2020 mengandungi inisiatif ke arah transformasi gerakan koperasi untuk menjadikan sektor koperasi mampu bersaing dan koperasi menjadi pemain aktif dalam ekonomi negara. Matlamat

akhir ialah untuk meningkatkan sumbangan sektor koperasi kepada keluaran negara.

Suruhanjaya juga mengambil kira perubahan dasar dan polisi Kerajaan supaya ia selari dengan dasar terkini dan memberi kesan yang menyeluruh dalam pembangunan Sektor Koperasi. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan Sektor Koperasi juga tidak terkecuali. Koperasi juga dilihat sebagai sektor yang boleh merangsang pembangunan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Koperasi mencipta keuntungan melalui aktiviti yang dilaksanakan yang melibatkan anggota-anggota koperasi dan boleh diceburi oleh semua golongan bandar dan luar bandar. Koperasi juga menekankan kepada pewujudan masyarakat yang berimpak positif melalui tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar. Kedua-dua pendekatan ini mengutamakan kesejahteraan rakyat dan bertepatan dengan prinsip inklusiviti dan keterangkuman.

Pemantapan Penyeliaan Yang Berkesan akan membantu koperasi melaksanakan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti koperasi dengan lebih baik serta efektif dalam mencapai objektif berkoperasi dalam masyarakat. Ia juga secara langsung akan melibatkan kaedah mentadbir dan melaksanakan aktiviti koperasi selaras dengan perundangan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya. Perundangan-perundangan yang melibatkan Akta Koperasi 1993, Garis Panduan dan Peraturan-Peraturan Koperasi adalah rujukan yang boleh membantu ke arah penyeliaan yang berkesan dengan mengambil kira keadaan dan isu semasa yang berlaku bagi membolehkan koperasi dapat berdaya saing dengan lebih baik dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara melalui Sektor Koperasi. Ia juga secara tidak langsung akan menyediakan koperasi dengan keimunan yang tinggi dalam menghadapi isu semasa seperti Pandemik Covid-19 dan isu-isu mendatang yang tidak dijangka.

Oleh yang demikian, perundangan dapat membantu koperasi mengukuhkan pentadbiran dalam menguruskan koperasi dengan sebaiknya serta memberikan keyakinan kepada masyarakat bahawa koperasi adalah model tadbir urus yang baik. Perundangan yang diwujudkan juga bukanlah

bersifat menyekat kemajuan koperasi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi bahkan ia memudahkan koperasi dan dapat dijadikan panduan bagi mengelakkan isu-isu berbangkit dan berpanjangan tanpa ada jalan penyelesaian. Garis Panduan dapat membantu koperasi dalam memahami tafsiran di dalam Akta Koperasi 1993 dan merupakan manual pengoperasian dalam mempermudah perjalanan aktiviti dan tadbir urus koperasi.

KELESTARIAN PERUNDANGAN KOPERASI

Tadbir urus koperasi yang cekap dan berkesan memainkan peranan yang penting dalam memastikan supaya perkembangan yang positif dapat dicapai oleh koperasi. Bertindak sebagai pelengkap kepada faktor kejayaan koperasi, tadbir urus merupakan perkara yang diberi penekanan di dalam struktur koperasi itu sendiri. Ia adalah suatu sistem atau cara dalam mentadbir, mengurus, mengawalselia dan memantau ke atas dasar, fungsi atau perjalanan koperasi itu. Amalan tadbir urus yang baik akan mengukuhkan lagi hubungan anggota sebagai pemilik, kumpulan pengurusan yang mengendalikan perniagaan ataupun aktiviti koperasi dan juga lembaga koperasi yang menerajui pengurusan bagi pihak pemilik. Melalui hubungan yang kukuh ini akan mempercepatkan lagi pencapaian matlamat penubuhan koperasi itu khususnya dan gerakan koperasi amnya.

Kerajaan amat komited memperkasakan sektor koperasi sebagai penyumbang ketiga ekonomi negara selepas sektor awam dan sektor swasta. Dengan jumlah koperasi melebihi 14,000 buah dan jumlah keanggotaan melebihi enam juta orang, sektor koperasi dijangka dapat membantu kerajaan dalam menangani kos sara hidup dengan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Bagi menjadikan koperasi sebagai peneraju kecemerlangan koperasi, sistem perundangan telah ditambah baik sebagai pemudah cara dalam mewujudkan tadbir urus yang berkesan. Beberapa Garis Panduan (GP), diperkenalkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Antara GP yang ditambah baik ialah GP 5 di mana GP ini menetapkan bahawa Anggota Lembaga perlu menghadiri Kursus Wajib bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam mentadbir dan mengurus koperasi mengikut kehendak undang-undang dan falsafah koperasi. GP baharu diwujudkan sebagai panduan kepada koperasi bagi mempelbagaikan aktiviti koperasi di samping

dapat meningkatkan produktiviti koperasi.

Perundangan koperasi perlu sentiasa diperkemaskan dan diperkasakan dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kewibawaan koperasi sebagai sebuah institusi sosio ekonomi yang berupaya untuk menjadi penyumbang yang signifikan kepada pembangunan ekonomi masyarakat dan negara. Perubahan yang pantas dalam menguruskan perniagaan pada masa sekarang mewujudkan cabaran baru kepada koperasi. Melalui struktur tadbir urus yang baik dan berkesan, koperasi akan berupaya untuk menghadapi cabaran tersebut dan seterusnya meningkatkan lagi penglibatan aktiviti ekonominya.

KELESTARIAN TADBIR URUS

Koperasi merupakan sebuah entiti perniagaan yang unik, yang mana dimiliki oleh sekumpulan anggotanya dan dipimpin oleh Anggota Lembaga (ALK) dan pengurusan yang kompeten.

Penglibatan aktif semua anggota, ALK dan pengurusan dalam mematuhi perundangan berupaya memberi kesan positif untuk menggalakkan kukuh dan kestabilan kewangan koperasi. Kejayaan sesebuah koperasi adalah disokong kuat oleh komitmen ALK, pengurusan dan anggota koperasi dalam mematuhi undang-undang. Perkara utama yang perlu dititik beratkan adalah pelaksanaan mesyuarat agung tahunan dan pengauditan penyata kewangan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Akta Koperasi 1993.

Kekuatan sesebuah koperasi terletak pada anggotanya. Anggota merupakan tulang belakang koperasi dan juga merupakan nadi koperasi. Kecemerlangan koperasi bergantung kepada sokongan serta komitmen anggota. Peranan dan nilai-nilai setiap anggota adalah penting bagi bersama-sama memacu kejayaan koperasi dengan menjadi anggota yang bertanggungjawab, memberikan sokongan dan kesetiaan terhadap gerakan koperasi. Justeru itu, etika, nilai dan integriti dapat dijadikan teras utama dalam tadbir urus koperasi dan budaya dalam gerakan koperasi di Malaysia. Budaya ini secara tidak langsung telah melengkapi nilai-nilai koperasi dan Kod Etika Koperasi selaras dengan Dasar Koperasi Negara pada teras strategik pembangunan koperasi dalam DKN 2011-2020.

Rajah 1.1 Nilai-nilai berkoperasi

7 Nilai-nilai Berkoperasi Yang Perlu Ada Dalam Diri Setiap KOPERATOR



Kualiti penyampaian perkhidmatan koperasi boleh diterjemahkan melalui kepuasan anggota dan prestasi perniagaan yang dicapai. Pematuhan kepada perundangan, polisi, dasar serta matlamat koperasi amat penting dalam memperkasakan hala tuju kejayaan koperasi dan harus dilaksanakan supaya koperasi sentiasa berada dalam tadbir urus yang baik.

Suruhanjaya adalah badan yang mengawalselia gerakan koperasi, memperkukuhkan koperasi melalui pengawalseliaan melalui pemantauan Seksyen 64 Akta Koperasi 1993. Tujuan pemeriksaan untuk menilai kedudukan kewangan, pengurusan,

kepatuhan, perundangan dan penggunaan teknologi maklumat secara keseluruhan melalui kaedah penarafan FLAME-T.

Hasil daripada penemuan pemeriksaan telah menunjukkan terdapat peningkatan pengurusan koperasi yang baik dalam penarafan bintang. Pada tahun 2020 terdapat satu (1) koperasi yang mendapat penarafan lima (5) bintang iaitu Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad. Koperasi yang berjaya memperoleh pengiktirafan lima (5) bintang dalam DDE boleh dijadikan model/penanda aras bagi pembangunan aktiviti dan kecekapan pengurusan tadbir urus koperasi.

Rajah 1.2 Profail Koperasi Memperolehi Penarafan 5 bintang Tahun 2020

Cabaran pandemik Covid-19 telah membawa keperluan perubahan dalam perundangan iaitu berkaitan pemakaian peruntukan Akta Koperasi 1993 bagi membenarkan dengan kelulusan secara 'blanket approval' untuk semua koperasi diberikan penangguhan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (Sek 39) ketika wabak melanda Negara pada tahun 2020.

Kepimpinan ALK dan pengurusan perlu berani menerokai kaedah relevan bagi menghadapi kesan pandemik tanpa berkompromi dalam keperluan menegakkan kepentingan tadbir urus baik. Pengurusan Koperasi perlu menerapkan norma baharu yang boleh membawa manfaat

lebih dinamik dalam jangka masa panjang, bukan berusaha menggunakan cara operasi singkat dengan membelakangkan tadbir urus koperasi.

***“ Kalau tanam buah kurma,
Jangan bibit disimpan di kamar,
Kalau ingin makmur bersama,
Bangunlah koperasi baik dan benar ”***

- YAB. Perdana Menteri, Majlis Pelancaran Pelan
Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025
30 Mac 2021

BAB 5

DASAR DAN PROSPEK TAHUN 2020

DIMENSI SEKTOR KOPERASI 2021

Evolusi 100 Tahun Koperasi di Malaysia	1
Dasar Koperasi Negara Melabuhkan Tirai	2
Koperasi Teras Kemakmuran Bersama	3

TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA

Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 Memacu Pembangunan Gerakan Koperasi	1
Pelan Transformasi Koperasi (TRANSKOM 2021-2025)	2
Federasi Koperasi	3
Pelestarian Koperasi Dalam Sektor Ekonomi	4
Inisiatif Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi : COVID19	5
Digitalisasi Koperasi	6
Penutup	7

BAB 5

DASAR DAN PROSPEK TAHUN 2020

DIMENSI SEKTOR KOPERASI 2021


EVOLUSI 100 TAHUN KOPERASI DI MALAYSIA

Pengenalan gerakan koperasi oleh kolonial Inggeris pada awalnya iaitu sekitar tahun 1922 adalah bagi menyelesaikan masalah keberhutangan petani di luar bandar. Amalan sistem pinjaman padi kunca yang membenarkan peminjam menjual hasil padi yang dituai kepada pemberi hutang di bawah harga pasaran telah menjadi faktor utama kepada masalah tersebut.

Kelahiran koperasi di bandar pula adalah bagi mewujudkan pertubuhan yang menyediakan perkhidmatan menyimpan dan memberi pinjaman bagi mengurangkan keberhutangan yang serius dalam kalangan pegawai kerajaan dan pekerja swasta dengan menyediakan alternatif yang kompetitif kepada syarikat pemberi pinjaman swasta, lanjutan daripada itu, Enakmen Koperasi (Co-operative Societies Enactment) 1922 telah diluluskan.

Koperasi pertama yang didaftarkan di Tanah Melayu adalah koperasi kredit bandar, Syarikat Bekerjasama-Sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja- Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad atau The F.M.S Post and Telegraph Co-operative Thrift and Loan Society Limited yang didaftarkan pada 21 Julai 1922. Tarikh ini menjadi tarikh keramat yang menjadikan 21 Julai sebagai tarikh Sambutan Hari Koperasi di Malaysia. Menuju ke-100 tahun gerakan koperasi bertapak di negara ini, gerakan koperasi telah menunjukkan suatu evolusi yang membanggakan. Kini, koperasi telah terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi dan dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat. Statistik sering menunjukkan terdapat peningkatan prestasi dari segi bilangan keanggotaan, pengumpulan aset serta syer dan yuran oleh koperasi.

Sehingga 31 Disember 2020, terdapat sebanyak 14,629 koperasi dengan perolehan sebanyak RM41.45 bilion. Dengan membuat perbandingan tempoh sebelumnya, keanggotaan koperasi adalah seramai 6.45 juta orang dengan peningkatan sekitar 5.73%, jumlah aset RM150.09 bilion meningkat sebanyak 2.26% serta saham dan yuran terkumpul sebanyak RM15.74 bilion dengan peningkatan 2.27%.



Rajah 1.2 Profail Koperasi memperoleh Penarafan 5 bintang tahun 2020



Rajah: Mesyuarat Agong Tahunan Koperasi Era-80an

Berdasarkan data, sumbangan sektor koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah 2.7% berbanding jumlah KDNK (1,493.8 bilion : sumber KPDNHEP) tahun 2020 pada harga malar. Sasaran perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion atau sekitar 5% nilai KDNK Malaysia menjelang tahun 2030 adalah sangat relevan dan boleh dicapai berdasarkan pencapaian memberangsangkan sektor koperasi terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan (RM36.3 bilion), perkhidmatan (RM1.8 bilion), pengguna (RM1.3 bilion) dan pertanian (RM1.05 bilion).

Kita berkeyakinan perangkaan ini akan terus menunjukkan peningkatan melalui sokongan yang dibuat oleh Kerajaan melalui pelbagai program penggalakan dan sokongan serta pengliberalisasian perundangan koperasi seperti program pembangunan perniagaan, peningkatan kapasiti, pemerkasaan promosi dan pasaran, penyediaan kemudahan pembiayaan serta pelan pembangunan koperasi seperti Pelan Transformasi Koperasi Malaysia dan Pelan Pendigitalan Koperasi.

Koperasi Malaysia juga kini telah menunjukkan kejayaan dan diiktiraf di peringkat dunia. Berdasarkan Laporan World Cooperative Monitor 2020 yang dikeluarkan oleh International Cooperative Alliance (ICA), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) telah disenaraikan sebagai Top 300 Cooperative dengan menduduki tangga ke-217 dengan industri utama

iaitu perkhidmatan kewangan. Bank Rakyat kini tergolong dalam jenama-jenama terkenal di dunia milik koperasi seperti Credit Agricole (Perancis), Nippon Life (Jepun), Fonterra (New Zealand), Rabo Bank (Belanda), Danish Crown (Denmark) dan Sunkist (Amerika Syarikat).

DASAR KOPERASI NEGARA (DKN) 2011-2020 MELABUHKAN TIRAI

Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 memeta hala tuju perkembangan koperasi terutama bagi merealisasikan hasrat menjadikan sektor koperasi sebagai sektor penting dalam pembangunan ekonomi negara seiring dengan hala tuju pembangunan negara. DKN 2011-2020 mensasarkan sumbangan perolehan sektor koperasi sebanyak RM50 bilion menjelang tahun 2020.

Kenyataan dasar dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020 menggariskan tiga (3) objektif yang hendak dicapai oleh sektor koperasi di bawah dasar ini adalah seperti berikut:

- Sumbangan RM50 bilion perolehan koperasi pada tahun 2020
- Meningkatkan taraf sosio ekonomi anggota melalui Koperasi
- Prihatin terhadap persekitaran
- Warga korporat yang bertanggungjawab



Rajah: DKN 2011-2020

Pelaksanaan DKN 2011-2020 memberi fokus kepada strategi-strategi berimpak tinggi, *quick wins* dan *quick harvest*, kejayaan pencapaian DKN 2011-2020 ditumpukan kepada enam sektor ekonomi utama iaitu perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan,

penjagaan diri dan kesihatan, pertanian dan industri asas tani, perladangan dan pembangunan hartanah dan industri pembinaan yang dilihat mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.



Rajah: Dasar Koperasi

Tahun 2020 merupakan tahun terakhir pelaksanaan DKN dan perolehan koperasi telah meningkat sebanyak 62.56% daripada RM21.50 bilion pada tahun 2011 kepada RM34.95 bilion pada 2014.

Amaun ini terus menunjukkan peningkatan pada kadar 18.59% iaitu sebanyak RM41.45 bilion pada tahun 2020.

KOPERASI TERAS KEMAKMURAN BERSAMA

Peranan koperasi dalam membangunkan ekonomi negara adalah tidak kurang pentingnya berbanding sektor yang lain. Koperasi boleh dijadikan medium dalam membantu Kerajaan melaksanakan pelbagai

program untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.



Rajah: 7 Teras Wawasan Kemakmuran Bersama

Prinsip dan konsep yang diamalkan di dalam koperasi itu sendiri telah menjadikan koperasi ini unik berbanding syarikat biasa. Objektif utama berkoperasi bukan semata-mata kepada keuntungan tetapi turut menjaga kepentingan dan kebajikan anggota-anggotanya.

Prinsip demokrasi dalam koperasi menunjukkan bahawa semua anggota mempunyai suara dan hak yang sama dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah koperasi itu. Konsep kebersamaan dan keadilan dalam koperasi sangat sinonim dengan

matlamat utama dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dalam usaha untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

Ini boleh didokong dengan kekuatan keanggotaan koperasi yang seramai 6.5 juta orang di mana majoritinya terdiri daripada golongan B40 yang merangkumi 68 kumpulan sasaran seperti koperasi penduduk, koperasi ibu tunggal, koperasi belia, koperasi siswa, koperasi pekerja dan koperasi usahawan.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA (MENSTRUKTUR EKONOMI)

Menstruktur semula ekonomi yang lebih progresif berpaksikan ilmu & bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat



MENANGANI JURANG KEKAYAAN & PENDAPATAN (MENANGANI KETIDAKSAMAAAN)

Menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030



NEGARA BERSATU, MAKMUR & BERMARUAH (MEMBINA NEGARA)

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia



Rajah: WKB 2030

“Aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah menggariskan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus membangun secara mampan, seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif. Justeru, Gerakan Koperasi sebagai institusi bumiputera berpendapatan rendah terbesar adalah silver bullet kepada objektif yang ingin dicapai dalam WKB2030.”

*Ucapan YAB PM : Pelancaran TRANSKOM,
30 Mac 2021*

Sekiranya kesemua gerakan koperasi ini bergerak secara proaktif dan bersepadu, tentu sekali setiap anggotanya akan menerima manfaat dan peningkatan dari segi taraf sosioekonomi yang seterusnya akan memberi impak yang sangat besar kepada negara. Justeru, wajarlah Gerakan Koperasi menjadi wahana atau “silver bullet” dalam memacu pertumbuhan sosioekonomi rakyat bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 Memacu Pembangunan Gerakan Koperasi

Koperasi merupakan entiti keusahawanan yang merupakan salah satu elemen penting dalam

kerangka Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang sudah tentunya tidak ketinggalan untuk dibangunkan. Dasar Keusahawanan Nasional 2030 telah menggariskan lima (5) objektif utama seperti berikut:-

- Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosio-ekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan;
- Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan;
- Meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikir global dan kompetitif;
- Mempertingkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil, sederhana dan koperasi;
- Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

DKN 2030 secara spesifik turut memberi fokus kepada koperasi untuk berperanan sebagai pemacu kepada pembangunan sosio-ekonomi yang inklusif. Peranan koperasi terus diperkasakan dalam usaha membantu golongan tertentu khususnya dalam kalangan B40 dan masyarakat luar bandar. Penubuhan koperasi komuniti yang amat menggalakkan pada masa ini membuktikan koperasi antara wahana terbaik membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat.

Dalam hal menangani kos sara hidup, koperasi-koperasi yang terlibat dalam program-program di bawah sektor pemborongan dan peruncitan seperti pusat-pusat pengedaran, perniagaan runcit Kedai Harga Patut dan pelaksanaan Jualan Harga Patut telah terbukti mampu meringankan bebanan masyarakat dalam mendapatkan barangan keperluan pada harga yang berpatutan.

DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL



Strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030

Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaung serta terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil & inklusif, seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia

Strategi yang dirangka dalam Dasar Keusahawanan Negara adalah seiring & berupaya memenuhi cita-cita negara untuk mencapai **Wawasan Kemakmuran Bersama**

OBJEKTIF UTAMA

- Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik & kondusif bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara yang inklusif, seimbang & mapan
- Membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran & berbudaya keusahawanan
- Meningkatkan bilangan usahawan yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikir global & kompetitif
- Mempertingkatkan keupayaan usahawan tempatan dan industri kecil & sederhana
- Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan

Sumber : Kementerian Pembangunan Usahawan

6 TERAS STRATEGIK



Membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat



Mengoptimumkan sistem kawal selia & capaian kepada pembiayaan kewangan



Merangsang pembangunan keusahawanan bersepadu & holistik



Memacu pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan berteraskan inovasi



Memantapkan keupayaan & prestasi perusahaan mikro, kecil & sederhana



Mengantarabangsakan perusahaan berpertumbuhan tinggi

Infografik Bernama

Rajah: Dasar Keusahawanan Nasional

Pada masa ini, koperasi di Malaysia telah terlibat dalam pelbagai jenis aktiviti perniagaan di pelbagai sektor termasuk dalam aktiviti perkhidmatan kewangan, pertanian, pemborongan dan peruncitan, pelancongan termasuk dalam sektor perhotelan, pemilikan hospital dan pusat rawatan sehinggalah terlibat sebagai pemaju perumahan untuk anggota dan bukan anggota.

Bagi membantu rakyat mendepani peningkatan kos sara hidup, koperasi dilihat sebagai antara

medium atau *platform* terbaik. Usaha ini dilaksanakan melalui 2,577 outlet runcit milik koperasi di seluruh negara termasuk di IPT dan sekolah. Outlet runcit ini disokong oleh 28 pusat pengedaran (Distribution Centre – DC) seluruh negara. Outlet runcit ini telah berjaya membantu anggota koperasi mendapatkan barang keperluan pada harga yang berpatutan tanpa perlu pergi ke pekan yang dalam kes-kes tertentu melibatkan jarak yang jauh.



Rajah: Outlet Peruncitan & DC Koperasi

Berdasarkan kepada modus operandi, ekosistem, latar belakang keanggotaan dan jenis aktiviti sesebuah koperasi, jelas bahawa koperasi boleh dilibatkan secara aktif dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) khususnya dalam memastikan objektif kedua iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan (Menangani Ketidaksamaan) dapat dicapai. Sokongan perlu diberi bagi meningkatkan keupayaan koperasi menjalankan aktiviti perniagaan yang hasilnya nanti dikongsi sesama anggota.

Koperasi juga merupakan satu entiti yang setaraf dengan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia. Keupayaan dan kapasiti koperasi-koperasi di Malaysia dapat dipertingkatkan melalui perluasan akses koperasi kepada program-program pembangunan kapasiti dan program bantuan serta peluang perniagaan

setara dengan PMKS. Dengan itu, koperasi mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan PMKS, bahkan kesan limpahan kejayaan sesebuah koperasi akan lebih dirasai rakyat yang terdiri daripada anggota koperasi dan komuniti setempat.

PELAN TRANSFORMASI KOPERASI (TRANSKOM 2021-2025)

Bagi menjamin kesinambungan pembangunan gerakan koperasi selepas tamatnya Dasar Koperasi Negara 2011-2020, satu dasar baharu pembangunan koperasi telah disediakan yang dikenali sebagai Dasar Koperasi Malaysia 2021-2030. Dasar ini akan memperinci dan memeta halatuju pembangunan gerakan koperasi di Malaysia untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Langkah tepat transformasi koperasi

Pelancaran TransKoM
perkasakan gerakan
koperasi untuk hadapi
cabaran abad ke-21

KUALA LUMPUR

Transformasi secara menyeluruh perlu dilakukan terhadap gerakan koperasi di negara ini bagi memperkasakan dan meningkatkan perannya sebagai sumber rumbut dalam menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan zaman digitalisasi.

Perdana Menteri, Tan Sri Mahiaddin Yusoff berkata, langkah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi membina Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 adalah langkah tepat bagi menjadi paksi transformasi kepada gerakan koperasi ini.

"Saya yakin pelan ini akan menjadi pemacu kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing."

"Ia seterusnya akan menjamin ketahanan sektor koperasi negara sebagai penyumbang terbesar kepada peningkatan sosio-ekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini," katanya ketika merasmikan TransKoM 2021-2025 di sini pada Selasa.

Hadiah sama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MUK) Tan Sri Mahiaddin Yusoff (kanan) bersama Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar (kiri) merasmikan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) yang ditandatangani pada Selasa.

Pelan itu menggariskan lima bidang tujuan utama penempatan nilai kemakmuran bersama, pemantapan sistem perundangan dan struktur governan, pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan, pembentukan persekitaran perniagaan yang mampan dan lestari serta pemerkasaan badan induk dan sistem penyampaian koperasi.

Miti iditi berkata, pelan itu bertitik tolkan 20 langkah strategik yang akan menjadi pemacu kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing.

Selanjutnya itu, beliau menyenaraikan 36 program serta aktiviti yang akan menjadi pemacu kepada pembangunan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing.

dan komitmen pada kepada Kementerian dalam melaksanakan transformasi melalui pelan ini.

"Saya mahu kesemua 14,668 koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia aktif dalam perniagaan koperasi untuk sama-sama meningkatkan prestasi ekonomi negara. Koperasi yang tidak aktif dan dorman harus bangkit dan bersama-sama menjadi ejen transformasi koperasi negara," katanya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, TransKoM juga memfokuskan penubuhan sebuah institusi pendidikan tinggi bertaraf universiti yang meningkatkan kepada pendidikan koperasi dan kewirausahaan. Katanya, institusi itu akan bertindak sebagai platform bagi membina generasi penerus budaya gerakan koperasi yang berprestasi. - BERNAMA

BERNAMA, 31 Mac 2021

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (Transkom) merupakan dokumen strategik yang menggariskan langkah-langkah transformasi yang akan diambil bagi memperkasakan Gerakan Koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi Malaysia seimbang, inklusif, progresif dan mapan.

Hala tuju baharu gerakan koperasi ini bermatlamatkan anjakan transformasi terhadap gerakan koperasi di Malaysia yang berteraskan kesejahteraan dan kemakmuran bersama selain menjadikan sektor koperasi berpacuan pencapaian ekonomi.



Selaras dengan Transkom, koperasi telah diiktiraf sebagai *silver bullet* kepada pelbagai permasalahan sosio-ekonomi rakyat. Bidang tujuan satu (1) Transkom iaitu penerapan nilai kemakmuran bersama menggariskan empat (4) langkah strategik untuk meletakkan koperasi di landasan yang betul sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi yang seimbang, inklusif dan mampan. Hasrat ini dilihat akan mampu dicapai dengan menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan masyarakat khususnya komuniti tertentu seperti B40, masyarakat luar bandar/pedalaman dan masyarakat orang asli yang kemudiannya koperasi bertindak sebagai medium meningkatkan pendapatan komuniti dan taraf sosio-ekonomi anggota.

Lima (5) bidang tujuan transformasi yang dicadangkan melalui Transkom adalah seperti berikut:-



Di bawah bidang tujuan kedua, pemantapan sistem perundangan dan struktur governan, perundangan koperasi disemak semula bagi meliberalisasikan perundangan untuk memudahcara koperasi menjalankan perniagaan dan meningkatkan kebajikan anggota. Pindaan terhadap Akta Koperasi 1993 yang dijadual selesai pada fasa kedua akan memudahcara koperasi untuk terlibat dalam bidang perniagaan dan memastikan koperasi kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa. Ia juga akan menggalakkan pengamalan pematuhan sendiri selain memperkukuhkan elemen kawal selia ke atas koperasi.

Ekosistem yang holistik dan kondusif adalah

kritikal bagi menyokong pertumbuhan mampan koperasi. Bidang tujuhan keempat Transkom ini menggariskan 4 langkah strategik ke arah ekosistem pembangunan koperasi yang mesra perniagaan. Akses pembiayaan alternatif oleh SKM dan bank koperasi khususnya pembiayaan automasi dan digitalisasi akan mampu melonjakkan perniagaan koperasi. Selain itu, program sokongan dan fasilitasi kepada koperasi untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu (new growth areas) seperti ekonomi digital, teknologi hijau, pertanian moden dan perniagaan berteraskan industri 4.0 perlu dipergiatkan. Pelaksanaan langkah strategik ini boleh dilakukan dengan memberikan latihan, coaching dan mentoring bagi koperasi berpotensi yang terpilih.

Penggabungan koperasi akan menjadikan koperasi lebih berdaya saing dan mampan. Ke arah itu,

pembentukan persekitaran yang kondusif bagi tujuan penggabungan perlu dibentuk. Hasrat ini akan mampu dicapai melalui penyediaan insentif dalam pelbagai bentuk bagi menggalakkan penggabungan koperasi. Melalui penggabungan, koperasi dapat meningkatkan sumber modal, mengembling kepakaran dan pengalaman serta mengurangkan kos operasi dan pentadbiran yang seterusnya akan meningkatkan pendapatan koperasi.

Kesemua langkah strategik yang digariskan di bawah Transkom menjurus kepada pelaksanaan transformasi yang menyeluruh bagi memacu pertumbuhan mampan Gerakan Koperasi Malaysia. Kejayaan proses transformasi ini bergantung kepada komitmen, kerjasama dan usaha baik daripada setiap pihak yang berkepentingan.



Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Transkom, Transformation Management Office (TMO) akan diwujudkan yang berperanan memantau dan memastikan keberkesanan penyampaian langkah transformasi, mengawalselia pelaksanaan setiap program/aktiviti utama transformasi, mengurus saling kebergantungan antara pihak berkepentingan, mencadangkan dan memperkenalkan langkah intervensi atau pendekatan baharu mengikut keperluan serta melaporkan secara berkala prestasi terkini serta isu dan cabaran dalam pelaksanaan Transkom.

TransKoM 2021-2025 pacu pembangunan koperasi negara

Pembabitian lebih menyeluruh
sasar lahir ramai usahawan ekonomi digital, teknologi hijau

Anggota koperasi yang lebih produktif dan berdaya saing, seterusnya menjamin kelangsungan sektor koperasi negara sebagai penyumbang terbesar kepada peningkatan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

TransKom yang diibunkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (BERKUP) berkuatkuasa dalam menjadi paksi transformasi kepada Gerakan

ia adalah kritikal bagi kelangsungan dan penerokaan koperasi," katanya.

Muhyiddin berkata, berikutan semestinya skematik dalam merencanakan hala tuju strategik dan dinamik untuk memulihkan semula ekonomi, termasuk bagi sektor koperasi.

"Saya kira inilah masa yang sesuai untuk melaksanakan langkah transformasi bagi memajukan Gerakan Koperasi di Ma-

Berita Harian, 31 Mac 2021

PENGWUJUDAN FEDERASI KOPERASI

Proses pembentukan federasi koperasi melibatkan enam (6) sektor ekonomi utama yang dicadangkan pada tahun 2020 tergendala oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa dalam Negara.

Pandemik Covid-19 yang melanda Negara bermula pada suku tahun pertama tahun 2020, sedikit sebanyak telah merencatkan pelaksanaan program penubuhan federasi koperasi yang dicadangkan lebih awal.

Selari dengan kehendak norma baharu, sesi libat urus secara atas talian perlu dilaksanakan bagi memberi kesedaran awal kepada gerakan koperasi terpilih berkenaan kepentingan pembentukan federasi kepada gerakan koperasi.

Federasi koperasi yang telah dikenalpasti untuk ditubuhkan mengikut enam (6) sektor ekonomi utama adalah seperti berikut:

- i. Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad;
- ii. Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad;
- iii. Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad;
- iv. Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad;
- v. Federasi Koperasi Perladangan Malaysia Berhad; dan
- vi. Federasi Koperasi Hartanah dan Industri Pembinaan Malaysia Berhad.

Penubuhan federasi koperasi dikenalpasti dapat menjadi penangkis kepada pencapaian KPIkoperasi antaranya – Sasaran Keanggotaan, Peluang Pekerjaan, Sumbangan Perolehan

Antara cadangan aktiviti yang dikenalpasti pelaksanaannya oleh federasi koperasi adalah seperti berikut:

Bil.	Federasi Koperasi	Aktiviti
1	Perkhidmatan Kewangan	i. Pembiayaan korporat kepada federasi-federasi koperasi lain; ii. Francaisor aktiviti Ar-Rahnu
2	Pemborongan dan Peruncitan	i. Central Distribution Centre (Pergudangan / Logistik); ii. Pembelian pukal; iii. Perolehan kouta permit (AP) bagi barang kawalan (Gula/ Tepung/ Minyak Masak dan Gas Petroleum Cecair (LPG)
3	Pertanian dan Industri Asas Tani	i. Pengukuhan aktiviti rantaian nilai dalam sektor pertanian; ii. Perolehan kouta permit (AP) bagi beras dan sayur-sayuran
4	Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan	i. Pengukuhan aktiviti rantaian nilai dalam sektor pelancongan; ii. Perunding piawaian pelancongan koperasi
5	Perladangan	i. Kilang input perladangan (baja, racun, peralatan dan teknologi pertanian); ii. Agensi pencarian pekerja ladang
6	Hartanah dan Industri Pembinaan	i. Perunding projek hartanah; ii. Agensi pencarian pekerja pembinaan; iii. Pembelian pukal bahan binaan

Bagi memastikan pelaksanaan federasi koperasi ini terus berdaya saing dan berkualiti, satu Jawatankuasa Pembangunan dan Pemerkasaan Federasi Koperasi yang dianggotai oleh agensi-agensi yang berkaitan dan koperasi atasan akan dibentuk.


PELESTARIAN KOPERASI DALAM SEKTOR EKONOMI

Dalam memastikan koperasi terus kekal relevan sebagai penyumbang berkesan kepada ekonomi

Negara beberapa langkah dan strategi telah digerakkan.

Selaras dengan langkah strategik untuk meliberalisasikan perundangan koperasi bagi memudahcara koperasi menjalankan perniagaan, pindaan peruntukan di bawah Akta Koperasi 1993 telah dimasukkan menjadi salah satu program utama bagi langkah strategik ini.

Cadangan pindaan Akta Koperasi 1993 ini digarap bagi memperkukuhkan elemen pengawalseliaan ke atas koperasi, menggalakkan pengamalan pematuhan sendiri, memastikan sektor koperasi kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa dan menjadi pemudahcara kepada gerakan koperasi untuk terlibat dalam bidang perniagaan.



Rajah: Pindaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Koperasi 1993 (AKTA 502)

Pindaan ini melibatkan 9 peruntukan dalam Akta 502 yang dilihat akan memberi impak positif kepada masyarakat khususnya gerakan koperasi. Pindaan perundangan ini membolehkan sistem perundangan dan kawalselia bersifat membangun dan fasilitatif yang dapat memudahcara koperasi menjalankan perniagaan. Pemantapan sistem perundangan dan struktur governan akan membawa kepada kejayaan koperasi untuk berada di landasan yang betul sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara yang seimbang, inklusif dan mampan.

INISIATIF INTERVENSI PEMULIHAN EKONOMI KOPERASI : COVID19

Tahun 2020, dimulai dengan episod penularan pandemik virus corona (COVID-19) diikuti dengan berlakunya perubahan tampuk kepimpinan

Kerajaan dan seterusnya penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada Mac 2020 dan berlarutan sehingga 31 Disember 2020. Sektor Koperasi turut menerima tempias secara langsung akibat kitaran ganas (vicious cycle) ekonomi yang memberi kesan buruk ke atas aktiviti perniagaan koperasi yang kebanyakannya dalam kluster mikro dan kecil. Bagi mengurangkan kesan pandemik ke atas perniagaan Koperasi, Program Bantuan dan Inisiatif Covid-19 telah dilancarkan bertujuan membantu memulihkan perniagaan koperasi yang terjejas dan membantu koperasi untuk bangkit dan meneruskan aktiviti sedia ada atau meneroka perniagaan baru sesuai dengan norma baru kehidupan pasca COVID-19. Antara inisiatif yang ditawarkan adalah samada berbentuk kewangan atau perundangan seperti berikut:

Bil.	Bantuan/Insentif	Nilai
1	Penangguhan bayaran balik pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK).	Mora 1.0 RM30.30 juta Bil. Koperasi : 206
2	Pembiayaan Menerusi Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) tanpa cagaran sehingga RM100 ribu	PKP Tahun 2020 RM5.7 juta Bil Koperasi : 117
3	Bantuan Kecemasan Peruntukan RM1 juta disediakan kepada koperasi yang terjejas	RM1 juta 320 koperasi
4	Program Jualan Harga Patut (JHP) Koperasi Membantu anggota dan masyarakat lain mendapatkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan di samping membantu memulihkan perniagaan koperasi.	RM 1 juta 178 koperasi Jumlah Jualan Harga Patut: RM16.390,999.59 juta
5	Pelanjutan tempoh Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)	Lebih 14,600 koperasi terlibat
6	Penangguhan bayaran balik pembiayaan individu oleh koperasi perbankan: Bank Rakyat & CBP	RM5.67 billion Jumlah akaun peminjam: 1,254,339
7	Pendepositan ke Akaun Deposit Koperasi (ADK) penangguhan daripada mendeposit KWRS untuk membantu koperasi menangani masalah aliran tunai.	RM571 juta
8	Caruman Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) Bagi tahun kewangan 31 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020, caruman dikurangkan kepada 8% daripada untung bersih (pengurangan sebanyak 7%).	RM333 juta Jumlah koperasi: 9,742 koperasi
9	Program Pemulihan Pasca Covid-19 (Pulih) Insentif promosi dan pemasaran kepada koperasi dalam sektor pelancongan	RM 1 juta 131 koperasi

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ini dilihat mampu memulihkan sepenuhnya perniagaan koperasi yang terjejas menjadi seperti sediakala yang akhirnya membantu koperasi untuk bangkit dan meneruskan aktiviti sedia ada atau meneroka perniagaan baru sesuai dengan norma baru kehidupan selepas COVID-19 dan PKP berakhir.

Digitalisasi Koperasi

Mengikut kamus online <https://educalingo.com/ms/dic-ms/digital>, digital merujuk kepada satu teknologi data yang menggunakan nilai-nilai diskrit. Berlawanan dengan sistem bukan digital (analog) yang menggunakan julat nilai-nilai yang selanjar untuk mewakili maklumat.

Negara di seluruh dunia kini semakin terhubung berbanding sebelumnya. Dengan semangat untuk terus maju, Malaysia antara negara terawal memulakan perjalanan ke arah 5G. dengan perkembangan pesat ini, sudah tentu ia amat mengujakan rakyat Malaysia amnya serta mengubah cara transaksi masyarakat Malaysia. Menerusi adaptasi awal ICT, khususnya teknologi tanpa wayar, langganan jalur lebar mudah alih Malaysia berjumlah 36.79 juta pada 2018 dan disokong oleh liputan penduduk 3G dan 4G LTE sebanyak 94.7 peratus dan 79.7 peratus.

Peningkatan penyertaan perniagaan dalam talian pada tahun ini dijangka akan meningkatkan

pertumbuhan KDNK dan sekaligus akan mendorong ekonomi untuk berkembang sebanyak 6.5% hingga 7.5% seperti yang disasarkan dalam Belanjawan 2021. Kadar penyertaan aktiviti ekonomi bersifat maya yang menggunakan aplikasi digital juga dilihat semakin meningkat antaranya Shoppe dan Lazada, platform membeli belah dalam talian terkemuka di Malaysia. Kira-kira 91 peratus penduduk Malaysia adalah pengguna internet aktif dan penduduknya mempunyai kadar penggunaan telefon bimbit yang tinggi.

Dengan jumlah penduduk sekitar 30 juta, Malaysia adalah pasaran e-dagang yang menarik di Asia Tenggara kerana ekonominya yang berkembang pesat dan infrastruktur canggih untuk teknologi digital berkembang. Jelas, penggunaan teknologi digital adalah naratif semasa dan gaya hidup norma baharu. Justeru, koperasi perlu merebut manfaat yang wujud dari ekosistem digital yang sedang dibangunkan di peringkat negara dan ASEAN. Koperasi harus berasaskan digital dan membuat reformasi total sebagai syarat untuk berperanan lebih besar dalam ekonomi Negara agar dapat menempuhi cabaran revolusi 4.0 dan mampu beradaptasi dan berinteraksi secara dinamik.

Dengan adanya teknologi, operasi perniagaan akan lebih fleksibel seiring dengan kemajuan teknologi. Dalam usaha menggalakkan usahawan membudayakan teknologi dalam perniagaan, terdapat beberapa kelebihan teknologi yang boleh memanfaatkan usahawan koperasi di Malaysia. Antaranya ialah:

- i. Membawa usahawan koperasi ke peringkat tertinggi.
- ii. Meningkatkan imej usahawan koperasi
- iii. Mengembangkan perniagaan
- iv. Maklumat mudah diakses
- v. Meningkatkan produktiviti usahawan koperasi
- vi. Penjimatan kos
- vii. Meningkatkan mobiliti perniagaan
- viii. Dunia tanpa sempadan

Dalam pada itu, koperasi juga kini dilihat telah mengaplikasikan peradaptasian teknologi ini. Berdasarkan rekod sebanyak 147 koperasi menggunakan sebaiknya pemasaran secara atas talian, melalui platform pemasaran atas talian mereka sendiri, antaranya :

- eBizz COOP (Koperasi Usahawan Groombig Pulau Pinang Berhad)
- JiMAT-Bizz : BA100 (ANGKASA)

- kohijrahmall.com (Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad)
- hellomall.my (Koperasi Pos Nasional Berhad)
- gardeningshop.com.my (Koperasi Ladang Berhad)
- CoopMall (Koperasi SMK Senggarang Batu Pahat Berhad)
- ABATA online (Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad)
- Sahabat Koop Apps (Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad)
- bungjagoitourism.wixsite.com (Koperasi Jagoi Duyoh Bau Berhad)

Kajian secara komprehensif dalam mewujudkan Pelan Pendigitalan Koperasi juga telah digerakkan, di mana ini akan memberi fokus kepada penambahbaikan ke atas sistem dalaman sedia ada. Ini adalah sebagai usaha memantapkan lagi usaha-usaha membawa Gerakan Koperasi ke dalam era ekonomi digital yang lebih maju.

Sebagai contoh, Sistem eDaftar yang telah digunapakai mulai Ogos 2019 di mana sebanyak 21 modul disediakan melalui Sistem eDaftar ini yang antaranya merangkumi modul pendaftaran, modul statutori, modul pengawalan dan modul pembatalan.

Mesyuarat Agung Tahunan yang wajib diadakan setiap tahun juga telah diadakan secara online dan secara tidak langsung, ini merupakan antara norma baharu koperasi dalam membudayakan digitalisasi di kalangan mereka khasnya.

Penambahbaikan terhadap sistem penyeliaan koperasi juga akan dibuat dengan beralih kepada digitalisasi di mana setiap urusan perjalanan koperasi akan dikemaskini oleh sistem bersepadu yang melibatkan pendaftaran (e-daftar), pengauditan koperasi (e-audit), konsultansi (e-konsultansi), permohonan pembiayaan (e-pembiayaan), permohonan bantuan koperasi (e-bantuan), penutupan koperasi (e-tutup), tribunal koperasi (e-tribunal) dan lain-lain. Secara dasarnya gerakan koperasi menyambut baik terhadap pengadaptasian teknologi atau digitalisasi ini terutamanya dalam operasi utama koperasi.

PENUTUP

Tahun 2020, dimulai dengan episod penularan pandemik virus corona (COVID-19) diikuti dengan berlakunya perubahan tampuk kepimpinan Kerajaan Malaysia. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut memberi kesan buruk ke atas aktiviti perniagaan koperasi yang

kebanyakannya dalam kluster mikro dan kecil. Program Bantuan dan Inisiatif COVID-19 yang dilancarkan telah berjaya membantu memulihkan perniagaan koperasi yang terjejas dan membantu koperasi untuk bangkit dan meneruskan aktiviti sedia ada atau meneroka perniagaan baru sesuai dengan norma baru kehidupan pasca COVID-19.

Menuju ke-100 tahun gerakan koperasi bertapak di negara ini, gerakan koperasi telah menunjukkan suatu evolusi yang membanggakan. Kini, koperasi telah terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi dan dianggotai oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Konsep kebersamaan dan keadilan dalam koperasi juga dilihat sangat sinonim dengan matlamat utama dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dalam usaha untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030. Justeru, wajarlah Gerakan Koperasi menjadi wahana atau *“silver bullet”* dalam memacu pertumbuhan sosioekonomi rakyat bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 pula telah mensasarkan sumbangan sektor koperasi kepada keluaran dalam Negara kasar (KDNK) dapat ditingkatkan kepada RM100 bilion pada tahun 2030. Justeru, sasaran perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion atau sekitar 5% nilai KDNK Malaysia menjelang tahun 2030 adalah sangat

relevan dan boleh dicapai berdasarkan pencapaian memberangsangkan sektor koperasi terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan, perkhidmatan, pengguna dan pertanian.

Koperasi Malaysia juga kini telah menunjukkan kejayaan dan diiktiraf di peringkat dunia dan telah disenaraikan sebagai Top 300 Cooperative melalui industri utama iaitu perkhidmatan kewangan.

Keyakinan terhadap peningkatan dan pencapaian terhadap sektor koperasi amatlah positif dan sangat prospektif. Perkara ini boleh direalisasikan melalui sokongan yang ditunjukkan oleh Kerajaan melalui pelbagai program penggalakan, pengliberalisasian perundangan koperasi, program pembangunan perniagaan, peningkatan kapasiti, pemerkasaan promosi dan pasaran, penyediaan kemudahan pembiayaan serta pelan-pelan pembangunan yang inklusif dan komprehensif melibatkan koperasi seperti Dasar Koperasi Negara, Dasar Keusahawanan Nasional, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia serta Pelan Pendigitalan Koperasi.

Kesemua langkah strategik yang telah digariskan ini menjurus kepada pelaksanaan transformasi yang menyeluruh bagi memacu pertumbuhan mampan Gerakan Koperasi Malaysia. Walaubagaiman pun, kejayaan transformasi ini bergantung kepada komitmen, kerjasama dan usaha baik daripada setiap pihak yang berkepentingan.



Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100
E-mel : webmaster@skm.gov.my
Laman Web : www.skm.gov.my